








LAPORAN PRESTASI 2025



JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايأن دان كسنين نڬارا









LAPORAN PRESTASI 2025



JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايأن دان كسنين نكارا

Cetakan Pertama 2026

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan secara bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Laporan Prestasi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

ISSN 2682-8995


Terbitan:
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Tingkat 16, 18, 19, 26, 27, 30 & 34
Menara TH Perdana
Lot 1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur.

No. Telefon: +603-26148200
No. Faksimile: +603-26970884
Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my



JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايأن دان كسنين نڬارا

LAPORAN PRESTASI 2025



"Ledakan Warna, Ledakan Prestasi"

Konsep muka hadapan Laporan Prestasi JKKN 2025 menampilkan pendekatan visual yang dinamik dan kontemporari. Reka bentuk ini menonjolkan komposisi kolaj aktiviti seni dan budaya yang mencerminkan kepelbagaian program serta pencapaian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara sepanjang tahun. Penggunaan reka letak berstruktur dengan elemen geometri condong menyuntik gambaran pergerakan dan perkembangan yang progresif, selari dengan semangat transformasi dan keterangkuman seni budaya negara.

Selain itu, kepelbagaian elemen fotografi seperti persembahan tari, muzik, seni tradisi, dan program komuniti jelas menggambarkan peranan aktif JKKN dalam memperkasa ekosistem seni budaya di seluruh negara. Dari sudut reka bentuk, tipografi "2025" yang bersaiz besar dan bertekstur berfungsi sebagai titik fokus visual bagi melambangkan tahun pencapaian yang signifikan. Susunan teks "Laporan" dan "Prestasi" yang diletakkan secara menegak pula menyerlahkan identiti moden, sekali gus membezakannya daripada rekaan laporan konvensional. Secara keseluruhannya, konsep ini mengangkat naratif visual yang meraikan warisan, kreativiti, dan pencapaian seni budaya Malaysia melalui pendekatan yang segar, profesional, dan berimpak tinggi.

Sidang Redaksi

PENASIHAT
YBRS. ENCIK MOHD AMRAN BIN MOHD HARIS
KETUA PENGARAH

YBRS. ENCIK ROSNAN BIN ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN)

YBRS. ENCIK MOHD RADZI BIN OMAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN)

PENYELARAS SEMAKAN KANDUNGAN DAN EDITOR
NORZILA BINTI MAMAT GHANI

PENYELARASAN KANDUNGAN DAN EDITORIAL
CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

PENYEDIAAN KANDUNGAN

LOKMAN HAKIEM BIN ABD SAMAD
CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

ZURIAH BINTI MOHAMAD
CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

SIDHARATI ZAHARAH BINTI YUSOF
CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR

ZANARIAH BINTI A. BAKAR
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA

NUR AZURA BINTI BAHARUDIN
BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA

AMIRUL AZAM BIN IBRAHIM
BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA

MOHD ZANIDIZAM BIN MOHD DILA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK

NORBAIZURA BINTI NORKEMAN
BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA

SHAHNAZ BINTI ISMAIL
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

NURFATIN FATINI BINTI NORAZLAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PEREKA
AZIZUL HAKIMAN BIN RADZI

FOTO
MUHAMMAD ASYRAF BIN REZALI

Isi Kandungan

Perutusan Ketua Pengarah JKKN 7

Maklumat Korporat 11
· Latar Belakang, Peranan, Sejarah dan Kronologi Penubuhan 12
· Visi, Misi dan Objektif 15
· Fungsi, Strategi, Logo dan Slogan 16
· Nilai Bersama JKKN 17

Carta Organisasi JKKN 19

Ringkasan Eksekutif 25

Rumusan Pencapaian Keseluruhan Pelan Strategik JKKN 2021–2025 29

Rumusan Pencapaian dan Prestasi JKKN Tahun 2025 33

Laporan Pencapaian Sektor Dasar dan Perancangan 39
· Bahagian Dasar dan Penyelidikan 43
- Cawangan Perancangan dan Penyelarasan Dasar 44
- Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan 51
· Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya 63
· Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan 79

Laporan Pencapaian Sektor Kebudayaan dan Kesenian 89
· Bahagian Bimbingan Seni Budaya 93
· Bahagian Pengembangan Seni Budaya 103
· Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik 119
· Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya 131

Laporan Tadbir Urus Jabatan 137
· Cawangan Sumber Manusia 138
· Cawangan Kewangan 156
· Unit Integriti 158
· Unit Komunikasi Korporat 166

Premis Jabatan 189

Sorotan Lensa JKKN 197





Perutusan KETUA PENGARAH JKKN

Perutusan

KETUA PENGARAH

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



YBRS. ENCIK MOHD AMRAN BIN MOHD HARIS

اَلسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, buku Laporan Prestasi JKKN 2025 dapat diterbitkan sebagai satu dokumentasi bermakna yang melakarkan sejarah kejayaan jabatan sepanjang tahun yang penuh cabaran namun sangat memuaskan ini. Saya ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JKKN di setiap peringkat yang telah menunjukkan sinergi serta komitmen yang tiada tandingan dalam memastikan setiap perancangan dilunaskan dengan penuh kecemerlangan. Penerbitan buku ini bukan sekadar satu rutin tahunan, malah ia merupakan kompas strategik dan rujukan utama bagi kita menilai prestasi serta memperkukuh hala tuju jabatan dalam melestarikan seni budaya negara agar terus subur dan berimpak tinggi pada masa hadapan.

Saya amat berbangga untuk mengumumkan bahawa JKKN telah mencapai 100 peratus prestasi KPI Berperuntukan dengan melaksanakan 192 program yang dirancang. Namun kekuatan sebenar kita terletak pada "bebanan tugas sebenar" yang digalas bersama Ibu Pejabat dan Negeri apabila sebanyak 594 program berjaya dilaksanakan, sekali gus membuktikan peningkatan kapasiti yang amat signifikan.

Pencapaian JKKN bagi tahun 2025 telah menunjukkan satu trend peningkatan yang sangat luar biasa dan memberangsangkan apabila dibandingkan dengan prestasi tahun-tahun sebelumnya. JKKN berjaya mencatatkan rekod kehadiran yang fenomenal seramai 2,022,052 khalayak fizikal pada tahun 2025, sekali gus membuktikan peningkatan konsisten daripada pencapaian seramai 1.08 juta orang pada tahun 2023 dan 1.88 juta orang pada tahun 2024. Keberkesanan program kita juga dicerminkan melalui penyertaan aktif peserta fizikal yang melonjak jauh kepada 107,760 orang pada tahun 2025, berbanding hanya 60,860 orang pada tahun lepas. Dari sudut impak ekonomi, jabatan telah mencapai nilai Pulangan Pelaburan (ROI) tertinggi dalam tempoh tiga (3) tahun melalui jualan produk, tiket dan yuran yang mencecah RM29,406,012.23 pada tahun 2025, satu peningkatan drastik jika dibandingkan dengan RM7.06 juta pada tahun 2023. Kejayaan ini diperkukuhkan lagi dengan nilai media yang tinggi berjumlah RM73,962,092.76 serta capaian digital yang amat luas melalui *viewership*, *listenership*, dan *readership* yang mencecah 166,166,026 pengguna.

Tahun 2025 juga menyaksikan JKKN memainkan peranan kritikal dalam mempamerkan citra budaya Malaysia di persada antarabangsa. Penglibatan strategik JKKN dalam Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 telah meletakkan seni budaya tempatan sebagai instrumen diplomasi yang penting. Melalui persembahan kebudayaan yang berprestij, kita bukan sahaja menyambut delegasi serantau, malah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab budaya di Asia Tenggara. Kejayaan dan momentum di Sidang Kemuncak ASEAN ini akan terus dipacu memasuki tahun 2026. JKKN komited untuk menjadikan pengisian seni dan budaya sebagai pemacu utama bagi Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026). Dengan asas khalayak fizikal melebihi 2 juta orang yang telah kita bina tahun ini, JKKN sedia menjadi tulang belakang kepada program-program pelancongan budaya.

Segala angka dan kejayaan yang memberangsangkan ini adalah hasil keringat, kreativiti, dan dedikasi setiap warga JKKN di seluruh negara. Marilah kita jadikan laporan ini sebagai batu lonjakan untuk kita terbang lebih tinggi, menyemarakkan semangat ASEAN, dan memastikan kejayaan gilang-gemilang Tahun Melawat Malaysia 2026.

Elok teratak di hujung paya
Rumah bonda kayunya jati
JKKN semarak seni budaya
Teruskan agenda perkasa seni

Rumah bonda kayunya jati
Tinggi nilainya kualiti hiasan
Teruskan agenda perkasa seni
Gemilang budaya menjulang warisan





MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) merupakan sebuah agensi kerajaan yang menerajui pembangunan kebudayaan dan kesenian negara. Peranan dan tanggungjawab ini diterjemahkan menerusi perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti bagi memastikan objektif dan fungsi jabatan terlaksana dengan kerjasama pelbagai pihak dan di pelbagai peringkat. JKKN perlu mewujudkan pelbagai inisiatif bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap kebudayaan dan kesenian negara, seterusnya meningkatkan jati diri rakyat Malaysia pada tahap tertinggi. JKKN juga perlu kekal relevan mengikut peredaran semasa dengan menyesuaikan pembangunan teknologi maya dan digital dalam menyalurkan ilmu, data dan maklumat seni budaya yang boleh diakses hanya di hujung jari sahaja.

PERANAN

Sebagai sebuah agensi kerajaan yang menjaga hal ehwal kebudayaan dan kesenian negara, JKKN berperanan memastikan seni budaya yang bakal diwarisi oleh generasi akan datang terpelihara dan diperkukuh dari semasa ke semasa. Berdasarkan visi dan misi utama jabatan, usaha ini diperhebatkan lagi melalui kerjasama erat pejabat JKKN negeri dan semua peringkat masyarakat.

SEJARAH DAN KRONOLOGI PENUBUHAN

Bermula pada tahun 1953, Bahagian Kebudayaan ditubuhkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan mengukuhkan kebudayaan kebangsaan dalam membangunkan sosioekonomi dan pemupukan nilai-nilai murni.

Bahagian Kebudayaan ini berperanan merangka dasar pembangunan kebudayaan. Ia dilakukan dengan cara memelihara perpaduan dan kebudayaan kebangsaan agar inti pati dan aspirasinya sentiasa dihargai melalui penghayatan serta amalan berterusan. Pada tahun 1964, Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan dan Penyiaran.

Pada tahun tersebut, Kementerian Penerangan dan Penyiaran bersama dengan Kementerian Kebudayaan dan Kebajikan Masyarakat telah mengemukakan cadangan untuk membina Pusat Kebudayaan Negara Malaysia. Cadangan asal Kompleks Kebudayaan ini bakal merangkumi beberapa komponen lain seperti Muzium Sejarah Negara, Balai Seni Lukis Negara, Planetarium Negara, Panggung Utama, Restoran dan Pusat Beli-belah Budaya. Tapak pembinaan pula didirikan di sekitar Lembah Pantai berdekatan Pusat Penyiaran Malaysia dan Universiti Malaya.

Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehinggalah pada 20 Mei 1987, kerajaan telah menggabungkan Bahagian Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada masa itu dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang seterusnya dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Bermula pada 22 Oktober 1992, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan bertukar nama kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang beroperasi di Bangunan UMNO, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sehingga pembentukan kabinet baharu oleh YAB Perdana Menteri pada 1 November 2003. Pembentukan kabinet baharu tersebut telah memutuskan bahawa hal-hal bersangkutan kesenian dan kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa), manakala hal-hal berkaitan aspek pelancongan, diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTOUR).

Semasa pembentukan KeKKWa, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian masih kekal dengan statusnya sebagai sebuah bahagian di bawah KeKKWa sehinggalah arahan daripada YB Menteri agar usul dilakukan oleh pihak kementerian bagi penubuhan sebuah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), dan Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri (JKKWN).

Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian telah menyediakan Kertas Cadangan Penubuhan JKKN dan JKKWN. Pada bulan November 2004, kertas cadangan tersebut telah dibentangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada 15 Mac 2005, Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian telah menerima Waran Perjawatan Bil. S/20 Tahun 2005 bertarikh 22 Mac 2005, maka tertubuhlah dengan rasminya JKKN dan JKKWN.

Kemudian melalui Waran Perjawatan Bil. S/40 bertarikh 1 Februari 2007, pewujudan satu lagi bahagian baharu di JKKN, iaitu Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan yang bertujuan membolehkan JKKN berfungsi dengan lebih baik dalam urusan perancangan dan penyelidikan seni dan budaya.

Pada 18 Mac 2008, JKKN dipindah naungan dan diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW), kemudiannya bernaung pula di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) pada April 2009. Tanggal 16 Mei 2013, JKKN menjadi sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang kini dikenali sebagai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sejak tahun 2018.

Kronologi SEJARAH PENUBUHAN JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN)



VISI

Peneraju seni budaya dalam mendukung seni untuk seni, seni untuk perpaduan dan seni budaya untuk penjanaan pendapatan kepada pemain industri ke arah pembentukan jati diri dan kesejahteraan masyarakat.

MISI

01 **Memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang dan menyemarak seni budaya warisan negara;**

02 **Menggembleng elemen seni budaya untuk meningkatkan jati diri, kesejahteraan dan perpaduan negara;**

03 **Menggalakkan aktiviti seni budaya yang inovatif bagi meningkatkan pendapatan pemain industri; dan**

04 **Menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti pelancongan budaya.**

OBJEKTIF

01 **Mengekal dan mengembangkan kebudayaan dan kesenian;**

02 **Meningkatkan pembangunan produk seni budaya;**

03 **Memperbanyak aktiviti seni budaya ke segenap lapisan masyarakat;**

04 **Menyebarkan maklumat seni budaya kepada orang awam dalam dan luar negara;**

05 **Menyediakan kemudahan prasarana seni dan budaya yang kondusif serta khidmat nasihat kepada masyarakat; dan**

06 **Meningkatkan pembangunan produk seni budaya.**

FUNGSI

- Melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan, pendokumentasian dan penerbitan, bimbingan seni budaya, pembangunan produk seni budaya, pengembangan seni budaya, pengukuhan seni budaya, pembangunan produksi dan artistik, dan promosi seni budaya
- Membina jaringan kerjasama dengan pemain industri seni budaya, agensi kerajaan, swasta, NGO dan penggiat seni budaya dari dalam dan luar negara;
- Menyediakan landasan untuk membolehkan penggiat seni menjana pendapatan melalui aktiviti seni budaya;
- Memperkukuh aktiviti seni dan budaya yang bersesuaian sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negara; dan
- Meningkatkan keberkesanan peranan JKKN melalui 14 JKKN negeri

STRATEGI

- Menyemarak dan merakyatkan aktiviti seni dan budaya dalam kalangan pelbagai kaum dan peringkat sasar;
- Menyediakan kemudahan prasarana, garis panduan seni dan budaya, bantuan dana, khidmat nasihat, latihan dan pengiktirafan kepada penggiat seni;
- Memerangi rasuah pada peringkat organisasi selaras dengan dasar baharu yang diperkenalkan kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP); dan
- Merangka dan menggalakkan pembangunan produk seni dan budaya selaras dengan pembangunan industri kreatif

LOGO DAN SLOGAN

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جابتن كبودايأن دان كسنين نڬارا

"SEMARAKKAN SENI DAN BUDAYA"

Kata keramat yang dijadikan pegangan JKKN dalam menggalas tanggungjawab sebagai pentadbir seni budaya pada semua peringkat masyarakat hingga akar umbi.

NILAI BERSAMA JKKN

01 BERPEGANGAN AGAMA

Agama menjadi salah satu rujukan bagi memastikan budaya dan seni dibangunkan dengan penuh semangat kemurnian dan kesejahteraan masyarakat

02 BERPENGETAHUAN

Memastikan setiap warga jabatan menekankan dan memperkukuhkan segala cabang ilmu dalam pengurusan pembangunan, pemuliharaan serta pemeliharaan seni dan budaya.

03 BERSATU PADU

Memupuk semangat perpaduan antara pelbagai kaum melalui pelbagai inisiatif, aktiviti mahupun program budaya dan seni sekali gus menjadikan kepelbagaian ini sebagai satu keunikan oleh masyarakat Malaysia.

04 BERINOVASI

Memastikan setiap penghasilan idea dan usaha jabatan sentiasa selari dengan teknologi terkini. Ini bagi memastikan jabatan terus relevan dalam memainkan peranan sebagai tunjang kepada pemuliharaan dan pemeliharaan budaya serta seni di Malaysia.

05 BERJATI DIRI

Memastikan setiap aspek pembangunan dan pengukuhan budaya dan seni hendaklah sentiasa menerapkan serta memperkukuhkan jati diri tinggi bukan sahaja kepada warganya tetapi masyarakat Malaysia amnya.

06 BERBUDI BAHASA

Setiap aspek bahasa termasuklah penyantunan percakapan mahupun gerak badan dilaraskan dengan kesopanan budi bahasa berasaskan ketamadunan Melayu.

07 BERJAYA

Memastikan setiap warga jabatan berusaha mencapai kejayaan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat khususnya kepada masyarakat dalam semua aspek.

08 BERNILAI MURNI

Memastikan setiap warga jabatan mengamal dan menyebarkan setiap pengamalan nilai-nilai murni sekali gus mengekalkan perkhidmatan awam sebagai contoh kepada budaya kerja yang jujur dan berintegriti tinggi.



CARTA ORGANISASI JKKN

PENGURUSAN TERTINGGI



ROSNAN BIN ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN)
GRED JUSA C
MULAI 02 SEPTEMBER 2025 HINGGA KINI



MOHD AMRAN BIN MOHD HARIS
KETUA PENGARAH
GRED UTAMA B
MULAI 06 SEPTEMBER 2023 HINGGA KINI



MOHD RADZI BIN OMAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN)
GRED JUSA C
MULAI 29 JULAI 2024 HINGGA KINI

CARTA ORGANISASI
SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN



ROSNAN BIN ABDUL RAHMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN)
GRED JUSA C

1 BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN
SALMIYAH BINTI AHMAD
PENGARAH (PK GRED B14)

2 CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
PUTRI SHAHDA AZZA BINTI MEGAT BURHAINUDDIN
TIMBALAN PENGARAH (PK GRED B13)

3 CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
MAZLUN BINTI TALIB
TIMBALAN PENGARAH (PK GRED B12)

4 BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA
DAYANG KARTINI BINTI AWANG BUJANG
PENGARAH (PK GRED B13)

5 CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
NORZILA BINTI MAMAT GHANI
PENGARAH (PK GRED B12)

CARTA ORGANISASI
SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

MOHD RADZI BIN OMAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN)
GRED JUSA C



1 BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA
NURWATI @ RAHIMAH BINTI ABDUL WAHAB
PENGARAH (PK GRED B14)

2 BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA
JASMI BIN RASIT
PENGARAH (PK GRED B14)

3 BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK
WAN DIN BIN WAN MUHAMMAD
PENGARAH (PK GRED B13)

4 BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI BUDAYA
SAIFULKHAIRI BIN AHMAD
PENGARAH (PK GRED B12)

CARTA ORGANISASI
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN UNIT INTEGRITI

MOHD AMRAN BIN MOHD HARIS
KETUA PENGARAH
GRED UTAMA B



1 **CAWANGAN KEWANGAN**
(KOSONG) (PTD GRED M10)

2 **BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN**
SHAHNAZ BINTI ISMAIL
PENGARAH (PTD GRED M12)

3 **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
NAURAH DARIA BINTI JANIUR
PENGARAH (PK GRED B12)

4 **CAWANGAN SUMBER MANUSIA**
SAZLINA BINTI SAIDIN
PENOLONG PENGARAH KANAN (PTD GRED M12)

5 **UNIT INTEGRITI**
NATASHA BINTI NAZARUDDIN
KETUA UNIT INTEGRITI (PTD GRED M12)

CARTA ORGANISASI

PENGARAH JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI-NEGERI

MOHD AMRAN BIN MOHD HARIS
KETUA PENGARAH
GRED UTAMA B



JKKN PERLIS
SHAHRIZAL BIN ABDAN
PENGARAH (PK GRED B12)

JKKN KEDAH
SABARINA BINTI MASADI
PENGARAH (PK GRED B12)

JKKN PULAU PINANG
EEZMADYNA AZALIN BINTI NORDIN
PENGARAH (PK GRED B12)

JKKN PERAK
HISHAM BIN MAT HUSEIN
PENGARAH (PK GRED B12)

JKKN SELANGOR
MUHAMMAD HASNIMIZAN BIN ISHAK
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN WPKL
HIDAYATUL 'EIN BINTI MOHAMAD AZMI
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN NEGERI SEMBILAN
MAZIDAH BINTI MUSTAPHA
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN MELAKA
EZLINA BINTI ALIAS
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN JOHOR
ABDUL RASHID BIN ABDULLAH
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN PAHANG
MOHD RIZAL BIN ISMAIL
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN TERENGGANU
ZUBARIAH BINTI ABDULLAH
PENGARAH (PK GRED B12)

JKKN KELANTAN
ROHANIZA BINTI ABDULLAH
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN SABAH
MARINA BINTI ABU BAKAR
PENGARAH (PK GRED B13)

JKKN SARAWAK
NOOR SEELA BINTI NOOR SULAIMAN
PENGARAH (PK GRED B13)



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) memainkan peranan sebagai pemangkin utama dalam menerajui kelestarian seni dan budaya di negara ini. Tanggungjawabnya yang besar meliputi pelaksanaan dan pemerkasaan aktiviti kebudayaan pada semua peringkat dengan tujuan memajukan Malaysia sebagai destinasi unggul dalam arena kebudayaan dan kesenian pada peringkat global.

Selain itu, JKKN turut menggembleng misi yang besar dalam membina kesedaran identiti kebangsaan yang teguh serta diperkukuhkan oleh nilai-nilai seni, budaya dan warisan negara. Bagi melengkapi peranan tersebut, JKKN turut bertanggungjawab menyemarakkan kerjasama antara pelbagai pihak dan masyarakat dalam memastikan penerimaan dan penghayatan seni budaya terus berkembang dan utuh.

Rentetan itu, pelbagai usaha dan komitmen pelbagai pihak telah digembleng secara kolektif dalam membantu usaha JKKN memartabatkan seni, budaya dan warisan negara ke aras yang lebih tinggi.

Pada tahun 2025, sebanyak 192 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Berperuntukan telah dirangka dan kesemua 192 KPI (100%) telah berjaya dicapai. Sebanyak 402 program tambahan telah dilaksanakan melalui hasil jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak luar seperti kementerian, kerajaan negeri, agensi dan lain-lain, yang menyumbangkan kepada tambahan jumlah sebenar bebanan tugas jabatan kepada 594 aktiviti. Bagi pelaksanaan tugas hakiki (Aktiviti Tidak Berperuntukan), sebanyak 619 KPI telah berjaya disempurnakan (99.5%) yang merangkumi 72 KPI Ibu Pejabat dan 547 KPI di JKKN negeri.

Perkembangan positif ini diterjemah menerusi pencapaian JKKN mencatatkan kehadiran khalayak fizikal seramai 2,022,052 orang. Petunjuk prestasi yang membanggakan ini turut direalisasikan menerusi penyertaan fizikal yang merekodkan lonjakan kepada 107,760 orang peserta pada tahun 2025 berbanding hanya 60,860 orang pada tahun 2024. Sementara itu, statistik peserta maya bagi program dan aktiviti dalam talian merekodkan 1,176 orang, manakala khalayak maya (merangkumi Facebook, Instagram, YouTube, Google Meet, Zoom, dan Cloud Theatre) mencapai tontonan luar biasa seramai 2,665,081 orang.

Selain itu, capaian pelayar di laman sesawang rasmi JKKN pada tahun 2025 ialah seramai 23,150 orang. Platform media sosial rasmi JKKN pula berjaya mengumpul 11,331 pengikut dengan jangkauan 692,368 tontonan dan 9,091 tanda suka. Portal Pemetaan Budaya mencatatkan seramai 103,952 pelayar, manakala laman Rumah Seni merekodkan 61,122 pelayar. Seterusnya, viewership, readership, dan listenership menerusi siaran surat khabar, televisyen, dan radio mencatatkan jumlah capaian tertinggi sebanyak 166,166,026 orang.

Usaha menggerakkan aktiviti kebudayaan dan kesenian negara bukan sekadar menjadi tontonan masyarakat, malah turut menjadi penyumbang kepada ekonomi semasa. Hal ini terbukti dengan pencapaian cemerlang dalam pendapatan dan penajaan. Aktiviti jualan produk, tiket/pas masuk, bahan-bahan penerbitan dan yuran penyertaan telah berjaya menjana ROI Pendapatan kumulatif sebanyak RM29,406,012.23, menunjukkan prestasi cemerlang berbanding RM18,539,093.06 pada tahun 2024. Sementara itu, keseluruhan penajaan yang merangkumi wang tunai, produk, dan kos perkhidmatan mencapai jumlah RM13,331,217.37. Nilai PR/Media pada tahun ini dicatatkan sebanyak RM73,962,092.76, dan JKKN turut menjana pendapatan tambahan sebanyak RM251,153.00 melalui hasil sewaan pelbagai ruang fasiliti jabatan.


Kejayaan pencapaian tahun 2025 ini didokong oleh penyemarakan aktiviti melalui program-program yang memberikan impak tinggi. Tiga program fizikal teratas yang mendominasi jumlah khalayak dan pendapatan ialah Temasya Orang Kedah (544,719 khalayak; ROI RM 8,548,689.00), disusuli oleh Festival Rentak Negeri (246,500 khalayak; ROI RM3,500,000.00), dan Festival Gendang Sarawak (182,033 khalayak; ROI RM4,456,604.50). Semua aktiviti tersebut dipacu dengan penetapan analitika pemantauan yang meluas, mengambil kira pelbagai aspek termasuk pembahagian khalayak dan peserta mengikut kaum, jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, lokasi (bandar/luar bandar), dan kewarganegaraan.

Pelaksanaan program dan aktiviti dilakukan secara bersepadu melalui sektor Ibu Pejabat JKKN serta sokongan aktif daripada 14 cawangan JKKN negeri seluruh Malaysia. Pengurusan dan pelaksanaan program juga diperkukuhkan dengan pengoptimuman 11 buah kompleks JKKN negeri yang menyediakan pelbagai kemudahan seperti auditorium, bilik mesyuarat, studio, dan pentas untuk mengisi kepelbagaian aktiviti seni budaya.

Pencapaian dan kejayaan ini adalah hasil kerjasama daripada pelbagai pihak, termasuk orang perseorangan, agensi kerajaan, badan berkanun, sektor swasta dan NGO. Semangat kerja berpasukan dan persefahaman dalam memartabatkan seni, budaya dan warisan ini perlu diteruskan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, yang pastinya akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai negara berbilang budaya dan seni yang harmoni.








Rumusan Pencapaian Keseluruhan

PELAN STRATEGIK JKKN 2021-2025

RUMUSAN PENCAPAIAN SUKU AKHIR PELAN STRATEGIK JKKN 2021-2025



6 TERAS STRATEGIK JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

01 MEMPERLUAS ASUHAN DAN KEMAHIRAN SENI BUDAYA UNTUK PEMBANGUNAN MODAL INSAN

HALA TUJU Agensi Peneraju Asuhan Seni Budaya

"Usaha untuk melahirkan dan membangunkan modal insan seni budaya diperluaskan bermula seawal usia kanak-kanak sehingga peringkat komuniti dan penggiat seni. Fokus tidak sahaja terhad kepada usaha mendidik tetapi aspek kemahiran turut diterapkan bagi meningkatkan kebolehupayaan dalam bidang seni budaya".

02 MEMPERKASA USAHA-USAHA PEMULIHARAAN DAN PEMELIHARAAN SENI DAN BUDAYA NEGARA

HALA TUJU Penyerlahan Seni dan Budaya Warisan Tidak Ketara

"Pelestarian warisan tidak ketara diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif merangkumi program dan aktiviti berbentuk perantisan, penyelidikan, dokumentasi, penerbitan, manifestasi serta seni persembahan. Usaha-usaha ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan seni budaya warisan negara kekal relevan dalam perkembangan semasa".

03 MEMPERTINGKATKAN KEBOLEHCAPAIAN PERKHIDMATAN SENI DAN BUDAYA NEGARA KEPADA KOMUNITI BAGI KESEJAHTERAAN RAKYAT

HALA TUJU Meningkatkan Kebolehcapaian Masyarakat kepada Seni Budaya

"Usaha memartabatkan dan menyemarakkan seni budaya tidak hanya bersifat in situ. Ia sebaliknya diperluaskan secara menyeluruh mencakupi pelbagai bidang, medium dan bentuk serta boleh diakses oleh segenap lapisan masyarakat".

04 MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS SENI BUDAYA UNTUK MENYEMARAKKAN INDUSTRI

HALA TUJU Hab data, Aktiviti Keintelektualan dan Pemantapan Pemain Industri Bidang Seni Budaya

"Tadbir urus seni budaya merupakan aspek penting yang memacu kepada usaha untuk memantapkan dan menyemarakkan industri seni budaya. Tumpuan diberikan kepada hal berkaitan pengurusan data seni budaya, pengikitirafan serta pemerkasaan penggiat / pendukung seni budaya. Inisiatif yang dilaksanakan adalah selari dengan Dasar Kebudayaan Negara".

05 MEMPERKUKUHKAN JARINGAN KERJASAMA KEBUDAYAAN BAGI KECEMERLANGAN SENI BUDAYA

HALA TUJU Pewujudan Ekosistem Seni Budaya yang Mampan

"Usaha memartabatkan seni budaya ke tahap cemerlang adalah usaha yang perlu dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak. Ia melibatkan sinergi bersepadu dan komitmen berterusan terutama dalam aspek promosi dan publisiti dengan mengaplikasikan elemen teknologi terkini. Kebertanggungjawaban semua pihak akan mewujudkan satu ekosistem seni budaya yang bersifat glokal".

06 MEMANTAPKAN TADBIR URUS KE ARAH ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

HALA TUJU Pemantapan Tadbir Urus ke Arah Organisasi Berprestasi Tinggi

"Tadbir urus organisasi adalah elemen penting yang perlu sentiasa diperkemas dan diperkasakan bagi memastikan jabatan sentiasa cemerlang. Ia perlu mengambil kira penekanan kepada semua aspek merangkumi pentadbiran, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan sistem teknologi maklumat serta pengurusan infrastruktur dan prasarana jabatan di seluruh negara. Aspek-aspek ini akan mendukung kepada usaha merealisasikan pelan-pelan tindakan yang digariskan di bawah Teras 1 – Teras 5".





Rumusan

PENCAPAIAN DAN PRESTASI JKKN TAHUN 2025

RUMUSAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI JKKN 2025

192
KPI BERPERUNTUKAN (CAPAI)

402
PROGRAM TAMBAHAN (BERPERUNTUKAN)

594
JUMLAH KESELURUHAN KPI PROGRAM

619
KPI HAKIKI (CAPAI)

	PESERTA PROGRAM (Orang)	KHALAYAK PROGRAM (Orang)
FIZIKAL	107,760	2,022,052
MAYA	1176	2,665,081

73,962,092.76
NILAI MEDIA (RM)

29,406,012.23
ROI PENDAPATAN / PULANGAN ATAS PELABURAN (RM)
Jualan Produk, Tiket Pas Masuk / Bahan Penerbitan dan Yuran Penyertaan

13,331,217.37
PENAJAAN (RM)

120,604.00
KHALAYAK / PENGUNJUNG AUDITORIUM / KOMPLEKS JKKN (ORANG)

3,208
JUMLAH PENGGUNAAN RUANG DI KOMPLEKS JKKN (KALI)

RUMUSAN PENCAPAIAN PORTAL DAN LAMAN SOSIAL RASMI JKKN

MEDIA SOSIAL (ORANG)
Facebook, Instagram, YouTube, Twitter, TikTok
198,029

LAMAN SESAWANG (ORANG)
www.jkkn.gov.my
23,150

MEDIA SOSIAL (ORANG) (views)
692,368

MEDIA SOSIAL (ORANG) (likes)
9,091

PEMETAAN BUDAYA (ORANG)
www.pemetaanbudaya.jkkn.gov.my
103,952

RUMAH SENI (ORANG)
www.rumahseni.jkkn.gov.my
61,122

JKKN TV Halaman Facebook JKKN TV (views, likes, followers)
11,331


VIEWER, READER, LISTENER (ORANG)
Surat Khabar, TV, Radio
166,166,026

RUMUSAN PENCAPAIAN KPI BERPERUNTUKAN JKKN IBU PEJABAT DAN NEGERI 2025

	SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN	SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN	JUMLAH
SASAR	77	115	192
CAPAI	77	115	192
PROGRAM TAMBAHAN	42	360	402
BEBANAN SEBENAR	119	475	594

	IBU PEJABAT	NEGERI	JUMLAH
SASAR	39	153	192
CAPAI	39	153	192
PROGRAM TAMBAHAN	7	395	402
BEBANAN SEBENAR	46	548	594

RUMUSAN PENCAPAIAN KPI TIDAK BERPERUNTUKAN JKKN IBU PEJABAT DAN NEGERI 2025



RETURN ON INVESTMENT (ROI) KHALAYAK JKKN IBU PEJABAT DAN NEGERI 2025

	IBU PEJABAT (ORANG)	NEGERI (ORANG)	JUMLAH (ORANG)
PESERTA FIZIKAL	9,996	97,764	107,760
PESERTA MAYA	1,176	0	1,176
KHALAYAK FIZIKAL	131,053	1,890,999	2,022,052
KHALAYAK MAYA	9,070	2,656,011	2,665,081

Facebook, Instagram, YouTube, Google Meet, Zoom Meeting, dan lain-lain

RETURN ON INVESTMENT PENDAPATAN



JUALAN PRODUK

IBU PEJABAT (RM)	278,488.90
NEGERI (RM)	28,576,649.31
JUMLAH (RM)	28,855,138.21



JUALAN BAHAN PENERBITAN

IBU PEJABAT (RM)	10,774.15
NEGERI (RM)	1,658.50
JUMLAH (RM)	12,432.65



JUALAN TIKET/ PAS MASUK

IBU PEJABAT (RM)	116,739.93
NEGERI (RM)	205,379.44
JUMLAH (RM)	322,119.37




YURAN PENYERTAAN

IBU PEJABAT (RM)	0.00
NEGERI (RM)	216,322.00
JUMLAH (RM)	216,322.00

JUMLAH KESELURUHAN (RM)

- 406,002.98
- 29,000,009.25

=



PENAJAAN

TUNAI

IBU PEJABAT (RM)	39,800.00
NEGERI (RM)	385,250.00
JUMLAH (RM)	425,050.00

PERKHIDMATAN

IBU PEJABAT (RM)	530,506.00
NEGERI (RM)	8,577,902.10
JUMLAH (RM)	9,108,408.10

PRODUK

IBU PEJABAT (RM)	925,316.00
NEGERI (RM)	2,872,443.27
JUMLAH (RM)	3,797,759.27




HASIL SEWAAN RUANG

IBU PEJABAT (RM)
0.00

NEGERI (RM)
251,153.00

JUMLAH (RM)
251,153.00



PENGGUNAAN RUANG KOMPLEKS

308 (KALI) AUDITORIUM


BILIK MESYUARAT 538 (KALI)

343 (KALI) BILIK PERBINCANGAN, KULIAH, SEMINAR, VIP

RUANG PENTAS, GELANGGANG 512 (KALI)

1245 (KALI) STUDIO

PUSAT SUMBER 262 (KALI)



JUMLAH KEKERAPAN PENGGUNAAN:
3208 KALI





Laporan Pencapaian

SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN

FUNGSI/ PERANAN SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN

Merangka dan mentadbir hal ehwal pengurusan dasar dan penyelidikan serta menyemarakkan jaringan hubungan antarabangsa bagi memartabatkan seni budaya ketara dan tidak ketara negara pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

Membangunkan produk seni budaya ke arah pembangunan industri kreatif bertaraf global dan menjadi badan peneraju industri *(Industry Lead Body - ILB)* seni budaya yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan latihan kemahiran bidang seni budaya; dan

Menjadi pusat rujukan seni budaya melalui pendokumentasian dan penerbitan bahan-bahan seni budaya yang berautoriti.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN 2025

TAHUN 2023	TAHUN 2024	TAHUN 2025
1,064,000.00	1,914,835.00	2,260,000.00
65 KPI	77 KPI	77 KPI

RINGKASAN LAPORAN PERUNTUKAN SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN 2025

PERUNTUKAN SEDIA ADA JKKN	STATUS PERUNTUKAN (RM)			
BAHAGIAN CAWANGAN	SEDIA ADA	TAMBAHAN	BELANJA	BAKI
PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN DASAR	105,000.00	0.00	105,000.00	0.00
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	935,000.00	0.00	860,978.16	74,021.84
PENGGUNAAN PRODUK SENI BUDAYA	745,000.00	0.00	745,000.00	0.00
DOKUMENTASI DAN PENERBITAN	475,000.00	0.00	474,706.20	293.80
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**2,260,000.00**	**0.00**	**2,215,684.36**	**74,315.64**

PERUNTUKAN TAMBAHAN KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)	STATUS PERUNTUKAN (RM)			
BAHAGIAN CAWANGAN	SEDIA ADA	TAMBAHAN	BELANJA	BAKI
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	1,520,000.00	75,000.00	1,595,000.00	0.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	**1,520,000.00**	**75,000.00**	**1,595,000.00**	**0.00**

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BERPERUNTUKAN SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN TAHUN 2025

KPI SEBENAR



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TUGAS HAKIKI SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN TAHUN 2025

KPI SEBENAR



RUMUSAN RETURN ON INVESTMENT (ROI)
SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN 2025



JUALAN TIKET/ PAS MASUK

RM94,322.00



JUALAN BAHAN PENERBITAN / PAMERAN

RM35,045.25



YURAN PENYERTAAN

RM 0.00



JUALAN PRODUK

RM12,000.00

PENDAPATAN KESELURUHAN
RM141,367.25

RUMUSAN PENAJAAN
SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN 2025

TAJAAN KESELURUHAN (RM)	752,420.00
TUNAI (RM)	51,900.00
KOS PERKHIDMATAN (RM)	336,050.00
PRODUK (RM)	364,470.00



RUMUSAN PESERTA DAN KHALAYAK
SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN 2025

PESERTA FIZIKAL (ORANG)	19,215
PESERTA MAYA (ORANG)	1176
KHALAYAK FIZIKAL (ORANG)	62,641
KHALAYAK MAYA (ORANG)	8,567



Bahagian

DASAR DAN PENYELIDIKAN

- CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
- CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR

FUNGSI / PERANAN CAWANGAN

01 Menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar-dasar berkaitan seni budaya;

02 Menyelaras urusan berkaitan maklum balas Kertas Dasar dan Kertas Kabinet serta menyediakan input/jawapan Parlimen bagi soalan berkaitan jabatan yang dikemukakan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

03 Menjadi urus setia bagi penyediaan input dan maklum balas bagi laporan berkala dan laporan ad-hoc yang diuruskan oleh Kementerian;

04 Menyelaras data dan statistik bagi pelaksanaan KPI JKKN Ibu Pejabat dan JKKN negeri dari segi jumlah aktiviti, taburan lokasi dan penyertaan khalayak pelbagai kaum serta menyediakan laporan statistik/analisis pelaksanaan KPI Jabatan;

05 Membantu menyelaras program kebudayaan antarabangsa anjuran Kementerian/Jabatan/ Agensi Kerajaan lain; dan

06 Menyelaras jaringan kerjasama badan budaya kebangsaan dan antarabangsa.

INTELEK SENI 2025: KOSMOLOGI MELAYU DARI SUDUT KEARIFAN TEMPATAN MASYARAKAT

INTELEK SENI 2025

Program Intelek Seni merupakan program berbentuk ilmiah yang dianjurkan sejak tahun 2019. Ia menjadi medium perkongsian ilmu mengenai kearifan tempatan dalam pelbagai aspek seni budaya warisan dari sudut pandangan dan kupasan para intelek. Program ini turut menampilkan perkongsian pengalaman, pengetahuan, dan kepakaran daripada penggiat, pengamal, serta tokoh seni tanah air.

Objektif penganjuran program ini adalah sebagai platform JKKN untuk menyebarluaskan ilmu berkaitan bidang ini dalam usaha memelihara dan membangunkan warisan negara. Melalui program ini, para peserta dapat mendalami unsur-unsur positif dan negatif dalam amalan budaya masyarakat setempat, serta membincangkan hal-hal seni tradisi yang semakin dilupakan di Malaysia.

Program Intelek Seni 2025 mengetengahkan tajuk "Kosmologi Melayu dari Sudut Kearifan Tempatan Masyarakat". Program ini bertujuan untuk memberikan pemahaman dan mencambahkan pengetahuan, terutamanya dalam kalangan belia di Malaysia, mengenai sejarah serta penerapan ilmu kearifan tempatan masyarakat Melayu dalam memelihara dan mengekalkan adat warisan budaya turun-temurun.

Program ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kebudayaan Universiti Kebangsaan Malaysia (PUSKEB) pada 22 Oktober 2025 (Selasa), bertempat di Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Program yang berlangsung sebanyak dua (2) sesi ini dikemudi oleh personaliti TV, YBrs. Encik Sayed Munawar Sayed Mustar selaku moderator, bersama-sama lima (5) panel jemputan, iaitu YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh, Presiden World Malay Polynesia Organisation (WMPO), YBrs. Dr. Sastri Sunarti Yahya, Kepala Pusat Riset, Badan Riset Dan Inovasi Nasional Indonesia YBrs. Dr. Muammar Ghaddafi Bin Hanafiah, Pensyarah Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Melayu (Bitara Melayu) UKM, YBrs. Dr. Mohammad Husni Bin Morni, Penyelidik dan Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Ybrs. Encik Syed Mohd Zakir Bin Syed Othman Al-Yahya, Penulis dan Pengkaji Bebas.

Program yang menyasarkan generasi belia ini telah dihadiri oleh 875 orang peserta secara fizikal dan 153 orang peserta secara maya, yang terdiri daripada golongan pelajar, kakitangan awam dan swasta, serta para penggiat seni. Selain itu, program ini turut disiarkan secara langsung melalui laman Facebook dan YouTube rasmi JKKN, dan berjaya mencatat jumlah tontonan seramai 2,600 orang.



Program Intelek Seni 2025 bertajuk "Kosmologi Melayu dari Sudut Kearifan Tempatan Masyarakat" telah berlangsung dengan jayanya pada 22 Oktober 2025, bertempat di Panggung Seni, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.



Barisan panel jemputan dan moderator bersama-sama pengurusan tertinggi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) serta Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



Profesor Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh, Presiden World Malay Polynesian Organisation (WMPO), selaku panel ucaptama sedang menyampaikan pembentangan beliau yang bertajuk "Interpretasi atau Persepsi Terkini Terhadap Sejarah Negara dan Bangsa Malaysia".



Dari kiri ke kanan: Encik Syed Mohd Zakir bin Syed Othman Al-Yahya, penulis dan pengkaji bebas; Encik Sayed Munawar Sayed Mustar, personaliti TV selaku moderator program; dan Dr. Mohammad Husni bin Morni, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Persembahan tarian tradisional Alu-Alu Melanau dibawakan khas oleh kumpulan Dayang Entertainment sebagai pengisian sisipan Program Intelek Seni pada tahun 2025.





Poster rasmi Program Intelek Seni 2025.

BICARA DIPLOMASI BUDAYA 2025

Bicara Diplomasi Budaya (Cultural Diplomacy Talk) merupakan sebuah program keilmuan yang melibatkan perbincangan dan perkongsian ilmu berkaitan topik budaya tinggi yang lebih holistik. Perbincangan ini merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan polisi, perlembagaan, pendidikan, ekonomi, dan sebagainya dari sudut pandang barisan panel berprofil tinggi.

Bagi tahun 2025, program ini telah dilaksanakan pada 20 Mei 2025 (Selasa), bertempat di Dewan Azman Hashim, Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTMKL). Dengan mengangkat tema "Malaysia and Japan – Exploring Cultural Diplomacy and Diversity", program tahun ini memfokuskan peranan diplomasi budaya dalam mempromosikan keunikan warisan budaya negara ke peringkat antarabangsa, serta memperkukuh jaringan kerjasama antara Malaysia dengan Jepun.

Program ini menampilkan tiga (3) orang ahli panel jemputan, iaitu:

• Encik Matsuo Keigo (Setiausaha Kedua, Kedutaan Jepun di Malaysia) dengan pembentangan bertajuk "Cultural Diplomacy in Action: Japan – Malaysia Relations & The Spirit of the Look East Policy".

• Encik Tsukamoto Norihisa (Pengarah, Japan Foundation Kuala Lumpur) dengan pembentangan bertajuk "Overview of the Japan Foundation's Activities in Malaysia".

• Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nurul Akmar Abu Husain (Dekan MJIIT UTM) yang membincangkan tajuk "Integrating Japanese-Style Engineering Education with Malaysian Cultural Distinctiveness: The MJIIT Experience".

Persembahan tarian tradisional Alu-Alu Melanau dibawakan khas oleh kumpulan Dayang Entertainment sebagai pengisian sisipan Program Intelek Seni pada tahun 2025.





Poster rasmi Program Intelek Seni 2025.

BICARA DIPLOMASI BUDAYA 2025

Bicara Diplomasi Budaya (Cultural Diplomacy Talk) merupakan sebuah program keilmuan yang melibatkan perbincangan dan perkongsian ilmu berkaitan topik budaya tinggi yang lebih holistik. Perbincangan ini merangkumi hal-hal yang berkaitan dengan polisi, perlembagaan, pendidikan, ekonomi, dan sebagainya dari sudut pandang barisan panel berprofil tinggi.

Bagi tahun 2025, program ini telah dilaksanakan pada 20 Mei 2025 (Selasa), bertempat di Dewan Azman Hashim, Menara Razak, Universiti Teknologi Malaysia (UTMKL). Dengan mengangkat tema "Malaysia and Japan – Exploring Cultural Diplomacy and Diversity", program tahun ini memfokuskan peranan diplomasi budaya dalam mempromosikan keunikan warisan budaya negara ke peringkat antarabangsa, serta memperkukuh jaringan kerjasama antara Malaysia dengan Jepun.

Program ini menampilkan tiga (3) orang ahli panel jemputan, iaitu:

• Encik Matsuo Keigo (Setiausaha Kedua, Kedutaan Jepun di Malaysia) dengan pembentangan bertajuk "Cultural Diplomacy in Action: Japan – Malaysia Relations & The Spirit of the Look East Policy".

• Encik Tsukamoto Norihisa (Pengarah, Japan Foundation Kuala Lumpur) dengan pembentangan bertajuk "Overview of the Japan Foundation's Activities in Malaysia".

• Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Nurul Akmar Abu Husain (Dekan MJIIT UTM) yang membincangkan tajuk "Integrating Japanese-Style Engineering Education with Malaysian Cultural Distinctiveness: The MJIIT Experience".

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan kehadiran seramai 249 orang peserta secara fizikal, manakala tontonan secara maya mencecah 2,100 orang.







Program Bicara Diplomasi Budaya yang mengangkat tema "Malaysia and Japan: Exploring Cultural Diplomacy and Diversity" diserikan dengan persembahan gabungan antara pemain gamelan warganegara Jepun dengan penari gamelan daripada Kumpulan Kesenian JKKN.



Salah seorang khalayak bertanyakan soalan kepada panel pembentang.



Poster rasmi program Bicara Diplomasi Budaya (Cultural Diplomacy Talk) 2025.

PENDAFTARAN HAK CIPTA KARYA JKKN 2025

Pendaftaran hak cipta karya merupakan satu langkah penting dalam usaha Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam melindungi, memelihara serta mengiktiraf hasil ciptaan seni dan budaya tempatan. Dalam era globalisasi dan perkembangan pesat industri kreatif, karya seni seperti muzik, tarian, persembahan, lakonan, penulisan, rekaan dan dokumentasi budaya memerlukan perlindungan undang-undang bagi mengelakkan penyalahgunaan dan digunakan tanpa keizinan.

Melalui pendaftaran hak cipta, pencipta atau penggiat seni memperoleh bukti pengiktirafan rasmi sebagai pemilik sah karya tersebut, sekali gus membolehkan mereka menikmati hak moral dan ekonomi terhadap hasil ciptaan masing-masing. Bagi JKKN, proses ini bukan sahaja bertujuan menjaga kepentingan individu atau kumpulan pencipta, tetapi juga berperanan penting dalam memastikan warisan seni dan budaya negara dapat didokumentasikan serta dipelihara secara sistematik.

Selain itu, pendaftaran hak cipta juga menjadi asas kepada pembangunan ekosistem industri kreatif yang mampan, di mana karya tempatan dapat dikomersialkan secara sah dan beretika. Melalui kesedaran serta pengurusan hak cipta yang baik, JKKN berperanan memperkasa komuniti seni budaya agar lebih berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa, selaras dengan aspirasi negara untuk memartabatkan seni dan budaya sebagai teras identiti bangsa.

Bagi tahun 2025, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah berjaya mendaftarkan 30 karya asal seni budaya yang telah diterbitkan oleh jabatan sebagai harta intelek di bawah MYIPO yang terdiri daripada penerbitan modul-modul pembelajaran Bahagian Bimbingan Seni Budaya, karya muzik Lagu Jom Boria 2024 oleh JKKN Pulau Pinang, Lagu Tabuh oleh JKKN Perlis dan lain-lain. Berikut adalah senarai karya-karya seni JKKN yang telah didaftarkan pada tahun 2025:

SENARAI KARYA PENDAFTARAN HAK CIPTA KARYA SENI JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA (JKKN) BAGI TAHUN 2025

BIL	NAMA KARYA SENI	KATEGORI KARYA	PENCIPTA KARYA
1	MODUL STANDARD TAHAP 1 (MODUL TARI)	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
2	MODUL STANDARD TAHAP 1 (MODUL TARI)	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
3	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 1 (TARI)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
4	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (TARI)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
5	MODUL STANDARD TAHAP 3 (MODUL TEATER)	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
6	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 1 (TEATER)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
7	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (TEATER)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
8	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 1 (MODUL MUZIK KOMPANG DAN GAMELAN)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI

9	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (BIDANG MUZIK KOMPANG)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
10	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (BIDANG MUZIK GAMELAN)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
11	MODUL STANDARD TAHAP 1 (MODUL GASING)	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
12	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 1 (MODUL GASING)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
13	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (MODUL GASING)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
14	MODUL STANDARD TAHAP 1 (MODUL SENI BERBAHASA)	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
15	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (SENI BERBAHASA)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
16	SILAT MODUL 1	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
17	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 1 (SILAT)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
18	MODUL SENI CEMERLANG TAHUN 2 (SILAT)	PENERBITAN	JUMANINOR BINTI HANAFFI
19	MODUL DIKIR BARAT	PENERBITAN	FABIAN ANAK WILLIAM
20	LAGU TEMA FESTIVAL 2024 - JOM BORIA	MUZIK	NUR AZMAN BIN AZAHARI AHMAD MAHYUDDIN BIN OTHMAN
21	LAGU RANGKAP KARANGAN PERSEMBAHAN BORIA JKKN - JOM BORIA 2024	MUZIK	MOHAMAD DIN BIN HANIFFA
22	LAGU TEMA FESTIVAL 2024 - JOM BORIA (LIRIK LAGU)	PENERBITAN	NUR AZMAN BIN AZAHARI
23	LAGU RANGKAP KARANGAN PERSEMBAHAN BORIA JKKN - JOM BORIA 2024 (LIRIK LAGU)	PENERBITAN	OMAR BIN HASHIM (OMARA)
24	LAGU TEMA FESTIVAL 2024 - JOM BORIA	MUZIK (NOTA MUZIK)	AHMAD MAHYUDDIN OTHMAN
25	LAGU RANGKAP KARANGAN PERSEMBAHAN BORIA JKKN - JOM BORIA 2024	MUZIK (NOTA MUZIK)	AHMAD MAHYUDDIN OTHMAN
26	LAGU LENGGANG HARUMANIS	FILEM	RAINER BIN MAILAP
27	LAGU LENGGANG HARUMANIS	MUZIK	AZARIZAL BIN MD. BASIR SALMIZAN BIN ABD. RAHIM @ ABDUL RAHIM MOHAMAD IRFAN BIN USRI
28	LAGU JOGET MENTARANG	FILEM	AZAM MOHAMAD BIN KASIM
29	LAGU JOGET MENTARANG	MUZIK	AZARIZAL BIN MD. BASIR SALMIZAN BIN ABD. RAHIM @ ABDUL RAHIM MOHAMAD IRFAN BIN USRI
30	LAGU TABUH	MUZIK	SALMIZAN BIN ABD. RAHMAN @ ABDUL RAHMAN

CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

FUNGSI / PERANAN CAWANGAN

01 Menjadi pusat kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan berkaitan seni budaya dan focal point bagi program penyelidikan dan kajian jabatan;

02 Menyelaras dan melaksanakan kajian penyelidikan seni dan budaya;

03 Menyelaras dan melaksanakan program-program pemuliharaan, pemeliharaan dan pembangunan seni budaya berteraskan kesenian tradisional;

04 Menjalankan usaha-usaha untuk mewartakan seni budaya dan tokoh/pakar rujuk tempatan;

05 Mengenal pasti produk seni budaya yang berpotensi untuk dibangunkan. Merancang, melaksanakan dan memantapkan pangkalan data seni budaya secara dalam talian;

06 Mewujudkan kerjasama strategik institusi/agensi, Badan Bukan Kerajaan (NGO), tokoh dan pakar rujuk seni budaya bagi program yang melibatkan penyelidikan, pemeliharaan dan menyebar luas maklumat seni budaya negara melalui Pemetaan Budaya.

PENYELIDIKAN SENI BUDAYA

Program Penyelidikan Seni Budaya merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan inisiatif penyelidikan yang telah dimulakan pada tahun 2024 dan 2025. Program ini memberikan fokus utama kepada proses penulisan, penyuntingan, dan pemurnian manuskrip hasil kajian tahun-tahun sebelumnya. Objektif pelaksanaannya adalah untuk memperkaya sumber rujukan seni budaya yang berkualiti tinggi, berteraskan hasil penyelidikan autentik mengikut tajuk yang telah disenarai pendek. Selain itu, inisiatif ini memberi nilai tambah kepada peranan JKKN dalam mengangkat, memelihara, serta menyebarluaskan khazanah kesenian dan kebudayaan negara.

Penyelidikan yang dijalankan ini bertujuan memastikan setiap dapatan diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan buku yang mematuhi standard perbukuan negara, sekali gus meningkatkan kemahiran para peserta dalam proses penyediaan karya bersama-sama pasukan pakar. Program yang bersifat serampang dua mata ini diperkukuh melalui kerjasama strategik antara penyelidik dan penulis daripada pelbagai institusi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Persatuan Cinta Budaya (PERSIDAYA), dan Think City.

Antara pakar yang terlibat termasuklah Prof. Madya Lena Farida binti Hussain Chin, Dr. Mardiana Ismail, Encik Sulhie Yusof, Prof. Stefanie Shamila Pillai, Prof. Hanafi bin Hussin, Prof. Madya Dr. Jamal Rizal bin Razali, Puan Jamilah Mohamad, Puan Preveena Balakrishnan, dan Dr. Rosdeen Suboh. Pelaksanaan ini turut dibantu oleh barisan Pentadbir Budaya yang terdiri daripada Naurah Daria Janiur (Ibu Pejabat), Nur Al-Farani Rosli dan Muhammad Na'im Azmi (Melaka), Norlelah Abdul Karim dan Nik Azwadi Ambri (Pahang), Zurairi Hanip dan Nekmah Borhan (Pulau Pinang), serta Nor Hafizah Hasan dan Rahmat Damiri (Johor).

Bagi memastikan kelestarian kepakaran dalam organisasi, program ini turut menerapkan elemen mentor-mentee melalui aktiviti pementoran dan bimbingan peribadi (personal coaching) oleh penulis luar kepada Pegawai Penyelaras JKKN. Usaha ini bertujuan melahirkan pegawai yang berkemahiran tinggi dalam menghasilkan bahan rujukan seni budaya. Antara projek yang sedang dilaksanakan termasuklah kajian Dikir Barat 'Lingkar Tradisi Hiburan Rakyat' (Ibu Pejabat), Portugis Melaka 'Dari Portugal ke Melaka' (Melaka), Kearifan Tempatan 'Wau Pungguk' Negeri Pahang (Pahang), Chingay 'Budaya Masyarakat Cina di Pulau Pinang' (Pulau Pinang), dan Seni Hamdolok 'Perkembangan Struktur Persembahan' (Johor).

Secara keseluruhannya, aktiviti penyelidikan ini merangkumi empat fasa utama iaitu Penulisan Manuskrip Seni Budaya, Bengkel Pemurnian, Penambahbaikan Manuskrip, dan diakhiri dengan Permohonan Geographical Indications bagi kesenian Dikir Barat serta Hamdolok. Keberhasilan program ini bukan sahaja memberi pendedahan mendalam kepada Pegawai Kebudayaan, malah memperkayakan koleksi rujukan JKKN yang bersifat komprehensif. Hasil penyelidikan ini seterusnya bakal menyumbang kepada bidang pendidikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berwibawa di peringkat sekolah mahupun universiti.



Temu bual bersama dengan Encik Andrew Lai daripada Persatuan Chingay Pulau Pinang



Temu bual bersama dengan Puan Sara Frederica Santa Maria penggiat seni budaya Portugis di Melaka



Dari kiri ke kanan: Adam Hassan, Mohammad Khairi Ahmad, dan Mohd Redzuan Ab Rahman, yang merupakan penggiat dan pakar rujuk seni Wau Pungguk Negeri Pahang, sedang menunjukkan hasil kerja tangan mereka dalam pembuatan wau tersebut.



Sesi temu bual bersama penggiat seni Hamdolok dari Kampung Rahmat, Batu Pahat, iaitu Encik Mohd Aidil Md. Diah, Encik Buang Asmoh, dan Encik Ahmad Wan.



Sesi pembentangan kerangka penyelidikan "Dikir Barat" oleh YBrs. Dr. Mardiana Ismail dan Encik Sulhie Yusof.



Gambar kenangan para peserta Program Penyelidikan Seni Budaya 2024 bersama-sama Encik Mohd Radzi bin Omar, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Dasar dan Perancangan, serta para fasilitator dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Turut hadir ialah Cik Ezlina Alias, Pengarah JKKN Melaka.

PEMETAAN BUDAYA

MAJLIS PELANCARAN PORTAL DIGITAL

Dalam usaha memperkukuh pemeliharaan, pengembangan dan penyebaran seni budaya dan warisan negara selaras dengan aspirasi pendigitalan negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah melancarkan Portal Digital Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara pada 15 Julai 2025 bertempat di The Glass House, Bangsar, Kuala Lumpur, dengan kehadiran 200 orang yang terdiri daripada penggiat seni, wakil media, agensi kerajaan dan pemain industri kreatif tempatan.

Portal Digital JKKN yang dibangunkan secara komprehensif ini terdiri daripada dua komponen utama, iaitu Portal Pemetaan Budaya dan Portal Rumah Seni, yang dirangka bagi memenuhi keperluan masyarakat, penyelidik, penggiat seni serta pihak industri untuk mendapatkan akses lebih mudah kepada maklumat, bahan rujukan dan ruang promosi dalam talian.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, bersama YBrs. Encik Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.







PORTAL DAN ARTIKEL PEMETAAN BUDAYA

Portal Pemetaan Budaya telah dibangunkan sejak tahun 2015 sebagai pangkalan data bersepadu yang menghimpunkan pelbagai kandungan berkaitan seni, budaya dan warisan Malaysia. Melalui platform ini, pengguna boleh mengakses koleksi artikel ilmiah, gambar dokumentasi, video persembahan serta maklumat etnografi secara percuma. Sehingga kini, portal ini telah mencatatkan lebih 4.74 juta pelayaran sejak mula diwujudkan, dengan 60,879 pelayar pada tahun 2024 dan 104,239 pelayar bagi tahun 2025. Jumlah kenaikan pelayar ini menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia semakin menghargai sumber digital sebagai medium pembelajaran dan rujukan seni budaya.

Antara kandungan yang menjadi tumpuan dalam Portal Pemetaan Budaya termasuklah 757 artikel yang merangkumi pelbagai tema seperti adat resam, permainan tradisional, seni persembahan, pakaian tradisional, seni pertahankan diri dan amalan budaya masyarakat pelbagai kaum. Selain itu, portal ini turut memuatkan 2,683 foto pegun yang mendokumentasi kepelbagaian warisan visual, serta 194 video persembahan seni yang memberi peluang kepada khalayak untuk menikmati seni tempatan secara maya.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 223 artikel telah disunting dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris melalui kolaborasi strategik bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Skop penyuntingan merangkumi kategori seni persembahan, adat resam, permainan tradisional, busana, serta makanan tradisional. Bagi menjamin kualiti, kandungan artikel telah diperkukuh dengan rujukan daripada tokoh seni dan individu berautoriti sebelum dimuat naik ke Portal Pemetaan Budaya. Inisiatif ini bertujuan memperkasakan akses maklumat budaya buat rujukan masyarakat tempatan dan global.

EKSPLORASI SENI BUDAYA

Eksplorasi Seni Budaya merupakan inisiatif utama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bagi memupuk kecintaan terhadap warisan negara dalam kalangan masyarakat umum khususnya kepada pelajar sekolah. Program ini berfungsi sebagai platform sebaran maklumat seni budaya serta pembelajaran seni budaya yang menyokong agenda pendidikan holistik melalui penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

Pada tahun 2025, Cawangan R&D telah mengukuhkan impak program ini melalui pengiktirafan sijil penyertaan oleh Bahagian Sukan, Kokurikulum, dan Kesenian (BSKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Melalui inisiatif ini, pemenang kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah layak menerima sijil yang diiktiraf dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) serta hadiah wang tunai. Bagi kategori terbuka, pemenang menerima hadiah wang tunai berserta sijil penyertaan.

Pelaksanaan program ini bertujuan untuk:

- Menyemai rasa bangga terhadap identiti dan warisan negara.
- Memberi peluang kepada pelajar meningkatkan markah kokurikulum.
- Menyokong visi kerajaan dalam melahirkan generasi muda yang seimbang dari aspek akademik dan sahsiah.

Bagi edisi 2025, program ini telah menarik sebanyak 990 penyertaan, yang merangkumi 730 pelajar sekolah dan 260 peserta kategori terbuka.

PANGGUNG SENI TRADISIONAL

Panggung Seni Tradisional (PST) merupakan salah satu platform utama JKKN dalam mengangkat kesenian tradisional ke tahap yang lebih tinggi. Program ini menyediakan ruang kepada para penggiat seni tradisional Malaysia, khususnya dalam bidang seni persembahan yang autentik dan klasik untuk mempamerkan karya mereka kepada peminat seni tempatan dan luar negara.

Ia secara tidak langsung menjadi satu inisiatif yang turut menyumbang kepada penjanaan ekonomi dalam kalangan penggiat seni melalui seni persembahan. Program ini merupakan kesinambungan daripada Siri Teater Tradisional (STT) yang diperkenalkan sejak tahun 2009, dengan fokus awalnya hanya pada kesenian teater. Namun, pada tahun 2013 STT telah dijenamakan semula sebagai Panggung Seni Tradisional (PST) yang merangkumi genre tarian dan muzik tradisional selain teater.

Sebanyak tujuh persembahan telah dipentaskan pada tahun 2025 yang mana lima daripadanya bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Kuala Lumpur, satu di JKKN Sabah dan satu di Sekolah Seni Malaysia, Sarawak.

Semua persembahan berteraskan kesenian tradisional meliputi tiga genre iaitu tarian, muzik serta teater:

- Muzik Ghazal bertajuk "Irama Ghazal Johor" oleh Rangkaian Ghazal Johor;
- Opera Cina Kantonis "Irama Lingnan" karya Persatuan Pat Woh Malaysia;
- Kumpulan Kesenian Universiti Malaya bersama MyDance Alliance dengan Tarian Melayu "Temasya Tari Melayu: Lama Dalam Baharu";
- Tarian Klasik India bertajuk "Parampara" oleh Angika Fine Arts;
- Teater Jikey Langkawi "Kembara Putera" hasil Persatuan Penggiat Seni Kreatif Kedah; manakala
- Persatuan Tuni Kinabalu dengan karya "Irama Tuni Kinabalu" melalui Muzik Tradisional Sabah; dan
- Teater Legenda Iban "Kumang Keling" oleh Pertubuhan Teater Sanggar Kreatif Kuching.

Program ini telah mencatat jualan tiket sebanyak RM94,322.00 serta sejumlah RM6,602.54 telah disumbangkan kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni (KWAKKPS). Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya menarik penyertaan 2,857 orang khalayak dan telah melibatkan 482 orang peserta dalam pelaksanaannya.



Muzik Ghazal "Irama Ghazal Johor"



Opera Cina Kantonis "Irama Lingnan"



Tarian Melayu "Temasya Tari Melayu: Lama Dalam Baharu"



Tarian Klasik India "Parampara"



Teater Jikey Langkawi "Kembara Putera"



Muzik Tradisional Sabah "Irama Tuni Kinabalu"



Teater Legenda Iban "Kumang Keling"

PROGRAM PENULISAN JURNAL SENI BUDAYA

Program Penulisan Jurnal Seni Budaya merupakan usaha sama antara Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang terjalin sejak 2024. Penganjuran program ini menunjukkan bahawa JKKN sangat serius dalam usaha memperkaya sumber rujukan bagi kegunaan masyarakat umum khususnya dalam rujukan berbentuk penulisan ilmiah yang memfokuskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan warisan, kajian budaya serta penyelidikan kesenian yang kian terhapus.

Di samping itu juga, dalam penganjuran program penulisan jurnal seni budaya ini JKKN turut memperkasakan pegawai-pegawai JKKN Ibu Pejabat dan Negeri dalam memperluas idea dan ilmu pengetahuan dalam dunia penyelidikan dan penulisan ilmiah. Program Penulisan Jurnal Seni Budaya ini mendapat bimbingan daripada YBrs. Dr. Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusoff. Beliau merupakan penyelidik dan pensyarah Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA Melayu) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penulis jurnal bagi Jurnal Seni Budaya adalah seramai 10 orang dan terdiri daripada pegawai JKKN Ibu Pejabat dan pegawai JKKN Negeri, antaranya ialah:

BIL	NAMA PENULIS	TAJUK JURNAL
1	JAZALI MOHAMAD	STRUKTUR PERSEMBAHAN TARIAN SEWANG MASYARAKAT SEMOQ BERI DI KAMPUNG SUNGAI PERGAM CUKAI, KEMAMAN TERENGGANU
2	NUR AL-FARANI ROSLI	KEBAYA KUMPRIDU: NILAI ESTETIKA BUSANA TRADISI MASYARAKAT PORTUGIS DI PERKAMPUNGAN PORTUGIS, UJONG PASIR MELAKA YANG DIPINGGIRKAN
3	MOHD IZWAN SUHAIRI	PELESTARIAN TARIAN GAMELAN TERENGGANU DALAM PENGEMBANGAN SENI WARISAN MALAYSIA
4	ELDAWATI BINTI LAUNG	AMALAN SOGIT DALAM MASYARAKAT ISLAM DI DAERAH TAMPARULI SABAH
5	YUFAZLI YUSOF	PERGERAKAN SENI SILAT BUNGA TANJUNG DAN TERATAI DALAM SENI SILAT GAYUNG MALAYSIA
6	NOR HAFIZAH HASAN	NILAI-NILAI SOSIAL DALAM ADAT BAPUKONG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU KETURUNAN BANJAR DI BATU PAHAT JOHOR
7	ISMARIZAL ZULAMRAN	IMPAK TEKNOLOGI SKRIN LED DALAM PERSEMBAHAN BANGSAWAN
8	MOHD JUHAN JUNAIDI	LELUHUR 'NARAKNG' RITUAL KESUCIAN AUTENTIK BUDAYA ETNIK SALAKO
9	AHMAD ZAIMY MOHD YUSOFF	PEMULIHARAAN WARISAN MUZIK CEMPULING DALAM KALANGAN MASYARAKAT JAWA DI DAERAH BANTING SELANGOR
10	WAN MOHD ROSLI WAN SIDDIK	RITUAL UPACARA BUKA PANGGUNG PERSEMBAHAN WAYANG KULIT KELANTAN

Jadual 1: Senarai dan Tajuk Penulisan Jurnal Seni Budaya



Program Perantisan Silat Seni Ota Ota (JKKN Terengganu)


KERTAS PROSIDING SIMPOSIUM MEK MULUNG

Buku Prosiding Simposium Mek Mulung 2024 menghimpunkan penulisan ilmiah daripada para akademik dan pengkaji seni budaya yang membincangkan pelbagai dimensi pelestarian seni warisan. Olahan dan suntingan kertas prosiding ini adalah oleh pakar–pakar akademik daripada UiTM iaitu Prof. Dr. Mohd Kipli Abdul Rahman, Prof. Madya Dr. Aminah Rhapor, En. Khairul Anuar Zainudin dan En. Amanda Paul Panan.

Kertas prosiding ini mengupas Mek Mulung sebagai warisan budaya bernilai tinggi serta peranannya dalam konteks pembangunan lestari dan identiti budaya serantau. Melalui perbincangan tentang dasar kebudayaan, nilai warisan, simbol identiti dan cabaran kelestarian budaya minoriti, kertas prosiding ini memperlihatkan perspektif menyeluruh terhadap usaha pemeliharaan seni budaya dalam dunia kontemporari. Kertas prosiding ini diharapkan menjadi rujukan penting kepada pengkaji, penggiat seni dan pencinta warisan budaya.

Himpunan Kertas Simposium merangkumi kertas pembentangan daripada pakar-pakar seni budaya iaitu Wan Azilawati binti Wan Mahmood: Dasar Kebudayaan Negara: Usaha Kerajaan dalam mengantarabangsakan Seni Budaya Malaysia, Mohd Kipli Abdul Rahman: Mek Mulung: Warisan Budaya Nilai Tinggi Memupuk Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs), Hartanti Maya Krishna: Budaya Sebagai Simbol Identiti : Memelihara dan Memulihara Keunikan Budaya di Indonesia, Numan Hayimasae: Budaya Majoriti Melayu dalam Majoriti Thai.

Buddhism antara Lestari dan Hakisan, Norliza Rofli: Mek Mulung sebagai Warisan Seni Pentas Malaysia: Usaha Pemuliharaan, Pengantarabangsaan dan Tanggungjawab Institusi, Tan Awang Besar: Mek Mulung-Cabaran Pusaka Tradisional Masa Hadapan, Eyo Leng Yan: Warisan Mek Mulung: Dari Kampung Ke Dunia, Aminah Abdul Rhapor: Mek Mulung: Menelusuri Keindahan dan Keunikan Seni Warisan Teater Tradisional di Kedah, Muhammad Yusoff Azizan: Seni Mek Mulung: Warisan Teater Tradisional Kedah dan Peranan AKRAB dalam Pemuliharaan, Khairul Anuar Zainudin & Mohd. Effindi Samsuddin: Mek Mulung di Alaf Baharu: Transformasi dan Pengekalan dalam Seni Persembahan Tradisional serta Mohd Radzi Omar: Penutup Simposium Mek Mulung 2024@UITM.



Rajah 1: Perbincangan antara editor dengan penulis bagi sesi pemurnian artikel.

Sesi pemurnian jurnal bersama dengan YBrs. Dr. Yuszaidy bin Mohd Yusoff telah dijalankan secara dalam talian bersama dengan para pegawai yang menyumbang hasil penulisan jurnal. Jurnal yang disumbangkan oleh pegawai ini akan diterbitkan dalam siri Jurnal Seni Budaya yang akan datang mengikut kepada perancangan Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan bersama pihak Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan.

PERANTISAN SENI

Program Perantisan Seni berdiri sebagai jambatan yang menghubungkan kegemilangan tradisi lama dengan aspirasi generasi baharu. Dengan menyasarkan latihan kemahiran intensif dalam ekosistem komuniti asal, program ini memastikan setiap denyut kesenian tradisional tidak sekadar menjadi sejarah, malah terus hidup melalui tangan-tangan pewaris muda.

Berteraskan bimbingan terus daripada tokoh dan penggiat seni berwibawa, inisiatif ini telah membuktikan keberkesanannya sedekad yang lalu. Rekod penganjuran program yang bermula dari 2009 hingga 2025 telah melahirkan sebanyak 83 kumpulan seni dengan penglibatan meluas seramai 3,819 peserta.

Program Perantisan Seni berjaya mencetuskan minat baharu dalam kalangan generasi muda menerusi peningkatan minat dan penglibatan aktif mereka untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan dalam seni warisan tradisi tempatan. Kejayaan program ini melahirkan kumpulan perantisan dalam kalangan generasi muda telah menunjukkan keberkesanan yang diambil JKKN menerusi inisiatif tersebut tidak sekadar mengekalkan tradisi, tetapi turut menjadikan seni budaya sebagai bidang yang relevan dan berdaya saing bagi pelapis baharu.

Komitmen berterusan dalam kalangan bakat muda ini menjadi jaminan kepada kelangsungan identiti budaya negara yang dapat kekal terpelihara untuk masa hadapan.



Program Perantisan Tumbuk Kalang (JKKN Negeri Sembilan)



Program Perantisan Tarian Lenggok (JKKN Perak)

PEMBANGUNAN KESENIAN TRADISIONAL MAK YONG

Program Pembangunan Kesenian Mak Yong telah dilaksanakan bagi menyemarakkan dan memperkasakan Kumpulan Kesenian Mak Yong Kijang Mas JKKN Kelantan supaya mampu menghasilkan persembahan yang lebih berkualiti dan berdaya saing dalam skala yang lebih besar. Program ini memberi tumpuan kepada pemindahan ilmu secara sistematik melalui pendekatan mentor-mentee serta pelaksanaan latihan dan bengkel secara berfokus, merangkumi asas tarian, teknik nyanyian, pergendangan serta lakonan watak dan peranan Pak Yong.

Pada tahun 2025, program ini telah digabungkan dengan Program Citra Malaysia: Colours of Malaysia menerusi pementasan Teater Tradisional Mak Yong bertajuk "Dewa Pechil" sebagai manifestasi hasil latihan dan pembangunan kumpulan. Sepanjang pelaksanaan program ini, seramai 77 orang peserta telah terlibat secara langsung manakala jumlah khalayak penonton yang hadir mencecah seramai 548 orang, sekali gus membuktikan sambutan yang menggalakkan terhadap seni Mak Yong dalam kalangan masyarakat.

Hasil daripada program ini, sebuah Modul Latihan Mak Yong 2025 telah berjaya dihasilkan sebagai rujukan rasmi latihan, di samping pemantapan Kumpulan Kijang Emas yang bermula daripada Program Perantisan Mak Yong 2006. Program ini turut berjaya melaksanakan bengkel kelestarian kesenian Mak Yong di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) serta mengumpulkan bahan dokumentasi penting melalui rakaman 10 buah lagu Mak Yong oleh penggiat seni Mak Yong Kelantan untuk kegunaan pada masa akan datang.

Pelaksanaan program ini juga memperlihatkan peningkatan ketara kemahiran peserta melalui bimbingan tokoh dan penggiat Mak Yong negeri serta berjaya menjalin kerjasama strategik dengan agensi pendidikan seperti IPG dalam usaha pembangunan dan pelestarian seni Mak Yong. Program ini bukan sahaja memperkukuh bakat dan keupayaan penggiat seni, malah menyumbang kepada kesinambungan warisan budaya negara secara lebih tersusun dan berimpak.





Bahagian

PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA

FUNGSI / PERANAN CAWANGAN

01 **Badan Peneraju Industri *(Industry Lead Body - ILB)* Seni Budaya yang bertanggungjawab dalam pembangunan dan latihan kemahiran bidang seni budaya;**

02 **Membangunkan inovasi produk dan perkhidmatan yang menjana ekonomi;**

03 **Mewujudkan struktur jaringan pintar berkaitan produk dengan pihak swasta/pemain industri dalam dan luar negara berkaitan kemahiran dan inovasi produk; dan**

04 **Pemudah cara kepada pemain industri dalam konteks pemasaran produk seni budaya.**

INOVASI REBANA UBI

- Pelaksanaan program Inovasi Rebana Ubi ini melibatkan kerjasama antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Istana Budaya (IB), Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM).
- Sepanjang tempoh pelaksanaan bermula dari tahun 2023 & 2024, beberapa sesi libat urus telah dilaksanakan.
- Pada 23 Jun 2025 satu Sesi Pembentangan Cadangan Prototaip dilaksanakan dengan penglibatan JKKN dan MRM (Majlis Rekabentuk Malaysia) diikuti pada 3 Julai 2025 Bengkel Postmortem Prototaip 1 telah dilaksanakan dengan Penglibatan JKKN Ibu Pejabat, MRM dan Persatuan Kebudayaan Awang Selamat.
- Melalui pelaksanaan program ini juga telah dapat diterbitkan sebuah Coffee Table Book Rebana Ubi Tradisional yang telah berjaya diterbitkan pada Mei 2025.
- Pelaksanaan program sebegini bukan sahaja dapat memperlihatkan kejayaan dari segi pembangunan produk, malah turut berupaya mencipta inovasi baharu dalam pemuliharaan seni budaya.











SENAM SENI 2.0



Lanjutan daripada pelaksanaan Senam Seni 2.0 yang telah dirasmikan pada 15 September 2024 di Dataran Merdeka, program ini diteruskan dan diperluas ke peringkat JKKN negeri di seluruh Malaysia. Pada tahun 2025, Senam Seni akan dilaksanakan dalam konteks yang lebih meluas melalui jalinan kerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan serta badan-badan komuniti. Program ini berkonsepkan kecergasan yang menggabungkan elemen senaman dengan seni tari warisan Malaysia bagi mempromosikan gaya hidup sihat sambil menyemarakkan budaya.

Pada tahun 2025, pelaksanaan Senam Seni 2.0 telah berjaya menarik seramai 13,620 penyertaan orang awam melalui pelancaran di setiap JKKN negeri. Selain itu, Pertandingan Senam Seni 2.0 yang diadakan bersempena dengan Program Semarak Senam Seni turut mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan daripada 12 kumpulan dari pelbagai kategori. Secara keseluruhannya, program yang berlangsung di Dataran Putrajaya ini telah berjaya menghimpunkan seramai 1,230 orang peserta.











PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA: GAMIFIKASI PERMAINAN WAU TRADISI

Pembangunan Gamifikasi Permainan Wau Tradisi merupakan inisiatif memperkenalkan dan memelihara warisan permainan tradisional melalui teknologi digital berasaskan Virtual Reality (VR) di bawah konsep Jaguh Kampung, bagi memberikan pengalaman interaktif kepada pengguna.

Gamifikasi ini menggabungkan elemen permainan digital dengan nilai seni budaya melalui dua kategori utama iaitu Wau Sobek dan Wau Naik, berasaskan prinsip aerodinamik wau sebenar serta disokong elemen penceritaan budaya tempatan.

Produk Gamifikasi Permainan Wau Tradisi telah menerima Anugerah Inovasi Budaya (Cultural Innovation Award) selain juga menerima 12 anugerah lain sempena program yang berlangsung pada 26 – 28 Disember 2025 di Perbadanan Putrajaya, Putrajaya, sebagai pengiktirafan terhadap inovasi dalam pemerkasaan seni budaya melalui teknologi.

PERMAINAN GAMIFIKASI WAU (VR) terdiri daripada dua kategori :-

- WAU SOBEK
- WAU NAIK



Visual asal- realistik



Kemaskini- bentuk kartun / animasi




PPSB I JKKN
media


PPSB I JKKN
media

PEMBANGUNAN LATIHAN KEMAHIRAN (ILB SENI BUDAYA)

Matlamat Pembangunan Latihan Kemahiran Seni Budaya bagi tahun 2025 adalah Memperkasa penggiat seni melalui latihan kemahiran bertauliah berasaskan standard SKM.

Skop Latihan & Sasaran

- Nyanyian & Tarian Tradisional.
- Penilaian SKM-PPT (Amali).
- Sasaran: perantis seni pada tahap asas hingga lanjutan.



Aktiviti & Penyertaan

- Nyanyian Tahap 3 – 7 Nov 2025 – 5 perantis
- Persembahan Tarian Tradisional Tahap 2 – 22 Nov 2025 – 12 perantis
- Penilaian SKM-PPT (Amali) – 23–24 Dis 2025 – 17 perantis
- Pengajaran Tarian Tradisional Tahap 3 – 8 Jan 2026 – 11 perantis

Sumbangan ILB Seni Budaya sepanjang 2025 telah menyediakan latihan berkualiti dan pensijilan SKM yang meningkatkan kompetensi serta profesionalisme penggiat seni budaya.









PORTAL RUMAH SENI JKKN

Portal Rumah Seni merupakan sistem pangkalan data industri seni budaya yang mengumpulkan direktori perkhidmatan dan produk, serta pelbagai program seni budaya oleh penggiat, kumpulan, persatuan, dan syarikat berdaftar berdasarkan kategori di bawah teras JKKN.

Sepanjang tahun 2025, JKKN telah berkolaborasi bersama CloudJoi untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan acara dan jualan tiket secara menyeluruh (terutamanya dalam industri seni persembahan) melalui Portal Rumah Seni. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan urusan pembelian tiket oleh pengguna serta pengurusan acara oleh pihak penganjur.

Sehingga Disember 2025, jumlah pendaftaran telah mencecah 19,601 yang terdiri daripada penggiat (individu), kumpulan, persatuan, dan syarikat seni budaya. Portal ini juga telah merekodkan sebanyak 61,566 kunjungan pelawat.





LIBAT URUS IDENTITI PRODUK SENI BUDAYA NEGERI - SIRI 1

Program ini dilaksanakan bagi mengukuhkan identiti produk seni budaya negeri melalui sesi libat urus yang memastikan produk tersebut mencerminkan warisan negeri, selaras dengan hala tuju nasional, serta berasaskan maklumat teknikal dan tradisi yang tepat.

Pada tahun 2025, pelaksanaan Fasa 1 melibatkan tujuh negeri (Selangor, Johor, Melaka, Sabah, Kedah, Terengganu, dan Sarawak) bersama-sama penggiat seni, agensi negeri, komuniti budaya, pakar warisan, dan pegawai projek.

Sesi libat urus ini merangkumi pandangan komprehensif daripada semua pemegang taruh bagi memastikan pembangunan identiti produk seni budaya negeri lebih tepat, autentik, dan menyeluruh.


PERMAINAN TRADISIONAL: WAU KAPAL







PERMAINAN TRADISIONAL : JONG (PERAHU) JOHOR








MUZIK TRADISIONAL : ANAK UMBANG





MUZIK TRADISIONAL : ENGKERURAI





MUZIK TRADISIONAL : SOMPOTON





MUZIK TRADISIONAL : REBANA KERAS MELAKA







PROPS TEATER TRADISIONAL : TOPENG MEK MULONG






Cawangan
DOKUMENTASI
DAN PENERBITAN

CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

FUNGSI / PERANAN CAWANGAN

01 Menjadi pusat pengumpulan bahan, penerbitan dan rujukan maklumat seni budaya;

02 Menyimpan, merekod dan mengemas kini maklumat Pusat Sumber Jabatan;

03 Membangunkan kandungan bahan terbitan JKKN; dan

04 Mewujudkan kerjasama strategik dengan penerbit/pembekal buku-buku jualan, IPTA/IPTS, dan penggiat-penggiat seni budaya.

PENERBITAN BUKU LAPORAN PRESTASI JKKN 2024



Penerbitan Buku Laporan Prestasi JKKN 2024 merupakan cetakan tahunan rasmi dalam usaha mendokumentasikan pencapaian jabatan. Naskhah ini berfungsi sebagai rekod utama yang memperincikan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program pembangunan seni dan budaya yang telah dijayakan sepanjang tahun. Sebanyak 250 naskhah telah diterbitkan. Selain memenuhi keperluan pelaporan standard, buku ini bertindak sebagai bukti akauntabiliti jabatan dalam memastikan setiap peruntukan diterjemahkan kepada aktiviti yang memberi impak positif kepada ekosistem seni dan budaya negara. Pada masa yang sama, penerbitan ini menjadi rujukan pantas untuk menyemak prestasi tahunan bagi tujuan perancangan aktiviti masa hadapan.

MAJALAH CITRA BUDAYA

Majalah Citra Budaya pula merupakan platform bagi penggiat seni budaya berkongsi penulisan mengikut pengalaman dan kepakaran masing-masing. Penulisan dalam Citra Budaya terdiri daripada sumbangan pegawai JKKN dan penggiat seni budaya. Citra Budaya diterbitkan sebanyak dua edisi dalam setahun dan bagi 2025, JKKN menampilkan Perkembangan Teknologi Kecerdasan Buatan dan Kelangsungan Seni Budaya untuk bilangan satu dan Pelesenan Hak Cipta dan Pengantarabangsaan Karya Malaysia untuk bilangan dua. Penampilan kedua-dua edisi ini jelas memartabatkan seni budaya selain memberi peluang kepada generasi muda mengenali dan memahami hal-hal yang boleh membanggakan mereka sebagai rakyat Malaysia.




Citra Budaya JKKN Bil. 1/2025



Citra Budaya JKKN Bil. 2/2025

JURNAL NUANSA JILID 4



Jurnal Nuansa Budaya Jilid 4

Jurnal Nuansa Budaya Jilid 4 merupakan sebuah karya ilmiah komprehensif yang mendokumentasikan kepelbagaian seni dan budaya negara. Artikel-artikel di dalam jurnal ini merangkumi pelbagai aspek budaya, termasuk adat resam, seni persembahan, falsafah, dan sejarah. Jurnal ini menghimpunkan 10 buah artikel yang ditulis oleh barisan Pegawai Kebudayaan JKKN. Bahan penyelidikan yang terpilih akan diterbitkan secara bercetak serta digital. Penerbitan ini merupakan satu inisiatif jabatan dalam usaha menambah koleksi sumber rujukan seni budaya negara. Bahan-bahan ilmiah ini diedarkan secara percuma dan turut dijadikan sebagai cenderamata.

PENYERTAAN PESTA BUKU ANTARABANGSA DAN JUALAN BAHAN-BAHAN PENERBITAN

Sepanjang tahun 2025, JKKN telah menyertai aktiviti jualan menerusi penganjuran pelbagai program jabatan mahupun jabatan dan agensi lain. Penjualan bahan penerbitan dilaksanakan oleh Unit Jualan JKKN Ibu Pejabat dan negeri-negeri dengan jumlah keseluruhan kutipan jualan 2025 ialah sebanyak RM35,045.25. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM7,092.65 telah meningkat berbanding tahun 2023, manakala dari segi jumlah kutipan tertinggi pula diperoleh menerusi penyertaan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada 24 Mei hingga 2 Jun 2024 dan Selangor International Book Fair (SIBF) pada 26 November hingga 3 Disember 2024 dengan jumlah pengunjung seramai 8,252 orang.









MAJLIS PELUNCURAN BUKU KANAK-KANAK SIRI CELIK BUDAYA

Dalam usaha mempopularkan lagu rakyat kanak-kanak, Majlis Peluncuran Buku Kanak-Kanak Siri Celik Budaya telah diadakan pada 25 September 2025 di The Shore Gallery Shopping Mall, bersempena dengan penganjuran Pesta Buku Melaka 2025.





Majlis ini bertujuan untuk meraikan projek perintis JKKN dalam usaha memperkaya koleksi bahan bacaan seni budaya untuk kanak-kanak. Siri buku yang dilengkapi dengan kemudahan ilustrasi dan audio ini turut mengangkat 10 buah lagu rakyat, iaitu Lagu Tiga Kupang, Ikan Kekek, Chan Mali Chan, Air Pasang Dalam, Lenggang Kangkung, Enjit-Enjit Semut, Anak Rusa Nani, Suriram, Burung Kakak Tua, dan Nenek Si Bongkok Tiga.



Buku ini dicadangkan sebagai bahan sokongan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di taska dan tadika, sejajar dengan usaha JKKN untuk menerapkan nilai-nilai seni budaya dalam kalangan kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun.



BENGKEL PENAMBAHBAIKAN KANDUNGAN SISTEM ARKIB DIGITAL

Seramai 30 orang pegawai dan kakitangan JKKN yang berperanan sebagai pentadbir dan pengendali sistem Neuarkib telah menyertai Bengkel Penambahbaikan Kandungan Sistem Arkib Digital. Bengkel ini telah dilaksanakan pada 10 hingga 12 September 2025 bertempat di Pacific Regency Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Bengkel ini dirancang bagi mengumpulkan cadangan, pandangan, dan input bernas daripada warga jabatan agar kandungan Neuarkib dapat disusun semula supaya lebih relevan, menepati keperluan semasa, serta mesra pengguna.



Pihak urus setia turut mengundang Encik Muhammad Zulhusni bin Munir dari Pejabat Tanah dan Galian sebagai penceramah jemputan, serta Puan Rapeah binti Mohd Redzuan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai fasilitator.






BENGKEL PENAMBAHBAIKAN KANDUNGAN SISTEM ARKIB DIGITAL












TERJEMAHAN BUKU ADAT RESAM MASYARAKAT MALAYSIA

Dalam usaha mewujudkan kandungan seni dan budaya dalam pelbagai bahasa, JKKN mengambil inisiatif untuk menterjemah buku Adat Resam Masyarakat Malaysia (Edisi Kemas Kini) bagi memperbanyak rujukan seni budaya dalam bahasa lain dalam usaha menyebarluas bahan ke peringkat yang lebih tinggi. Pemilihan Prof. Datuk Mohamed Ghouse Nasuruddin sebagai Penterjemah adalah berdasarkan pengalaman beliau dalam bidang penulisan serta seni dan budaya.



PENDIGITALAN BAHAN AUDIOVISUAL PITA RAKAMAN VIDEO HOME SYSTEM (VHS)

Projek Pendigitalan Bahan Audiovisual Pita Rakaman VHS dan Betacam ini merupakan fasa kedua dan terakhir bagi mendigitalkan lebih 600 pita VHS yang masih berbaki. Melalui usaha ini, pita-pita rakaman dari era awal 1990-an tersebut telah berjaya didigitalkan demi memelihara dokumentasi seni budaya. Bahan-bahan ini menyimpan rekod pelbagai program dan aktiviti dari tahun 1986 hingga 2008, yang merangkumi persembahan teater, seni tari, muzik, bengkel, serta penyelidikan lagu-lagu tradisional.









PEMBANGUNAN KANDUNGAN BAGI PENDIGITALAN BAHAN PUSAT SUMBER (FASA 1)

Pembangunan Kandungan bagi Pendigitalan Bahan Pusat Sumber Seni Budaya (PSSB) Fasa 1 dilaksanakan bagi memudahkan dan mempercepat akses kepada koleksi perpustakaan pada bila-bila masa dan dari mana-mana lokasi. Di samping itu, inisiatif ini memperkaya kandungan digital tempatan berkaitan seni dan budaya untuk tujuan rujukan, penyelidikan, pendidikan, serta penerbitan, dan seterusnya menarik pengguna baharu secara dalam talian.


Sehingga November 2024, PSSB memiliki kira-kira 3,020 judul yang merangkumi pelbagai subjek. Pembangunan kandungan digital ini bertujuan untuk mewujudkan sistem repositori bahan JKKN yang selaras dengan keperluan semasa.

Pelaksanaannya dibuat secara berfasa. Fasa 1 melibatkan proses pengimbasan, penyuntingan, pengindeksan, pembinaan metadata, dan muat naik bahan. Langkah ini membolehkan pengguna mengakses sumber rujukan tanpa perlu hadir secara fizikal ke perpustakaan.















Laporan Pencapaian

SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

LAPORAN PENCAPAIAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

ASAS PELAKSANAAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

- KEPENTINGAN KEPADA RAKYAT
- PEKERJAAN KEPADA RAKYAT
- PENDAPATAN KEPADA RAKYAT
- PERPADUAN DALAM KALANGAN RAKYAT
- KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT

PERBANDINGAN PERUNTUKAN DAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN BAGI TAHUN 2023,2024 DAN 2025



RINGKASAN LAPORAN PERUNTUKAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025

PERUNTUKAN SEDIA ADA JKKN	STATUS PERUNTUKAN (RM)			
BAHAGIAN CAWANGAN	SEDIA ADA	TAMBAHAN	BELANJA	BAKI
PENGEMBANGAN SENI BUDAYA	400,00.00	0.00	400,000.00	0.00
BIMBINGAN SENI BUDAYA	741,400.00	0.00	741,400.00	0.00
PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA	1,240,000.00	59,000.00	1,262,200	36,800.00 NGO TOLAK DAN PULANGKAN
PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK	817,360.00	0.00	300,000.00	517,360.00 KPI DIGUGURKAN
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	3,198,760.00	59,000.00	2,703,600.00	554,160.00

PERUNTUKAN TAMBAHAN KEMENTERIAN PELANCONGAN SENI DAN BUDAYA (MOTAC)	STATUS PERUNTUKAN (RM)			
BAHAGIAN CAWANGAN	SEDIA ADA	TAMBAHAN	BELANJA	BAKI
PENGEMBANGAN SENI BUDAYA	11,812,000.00	0.00	11,812,00.00	0.00
PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK	909,952.74	0.00	907,792.74	2,160.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	12,721,952.74	0.00	12,719,792.74	2,160.00

PERUNTUKAN TAMBAHAN AGENSI LAIN	STATUS PERUNTUKAN (RM)			
BAHAGIAN CAWANGAN	SEDIA ADA	TAMBAHAN	BELANJA	BAKI
PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK	7,314,944.97	-	7,032,674.80	282,223.17
JUMLAH KESELURUHAN (RM)	7,314,944.97	-	7,032,674.80	282,223.17

Senarai agensi yang memberi peruntukan: Istana Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perdana Menteri (termasuk cawangannya seperti NADMA), Kedutaan Jerman Di Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri, Perpustakaan Negara Malaysia, serta Tourism Malaysia.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BERPERUNTUKAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TUGAS HAKIKI SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025



RETURN ON INVESTMENT (ROI) PENDAPATAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025



JUALAN TIKET/ PAS MASUK

RM227,797.37



JUALAN BAHAN PENERBITAN

RM0.00



YURAN PENYERTAAN

RM216,322.00




JUALAN PRODUK

RM28,820,525.61

PENDAPATAN KESELURUHAN
RM29,264,644.98

RUMUSAN PENAJAAN SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025

KOS PERKHIDMATAN (RM)	8,772,358.10
PRODUK (RM)	3,433,289.27
TUNAI (RM)	373,150.00



RUMUSAN KHALAYAK DAN PESERTA SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN TAHUN 2025

PESERTA FIZIKAL (ORANG)	88,545
PESERTA MAYA (ORANG)	0
KHALAYAK FIZIKAL (ORANG)	1,959,411
KHALAYAK MAYA (ORANG)	2,656,514


Bahagian
BIMBINGAN
SENI BUDAYA

BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA

FUNGSI / PERANAN BAHAGIAN

01 Menjadi peneraju Program Bimbingan Seni Budaya cemerlang di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah;

02 Melaksanakan perluasan Program Bimbingan Seni Budaya di pelbagai peringkat melalui pewujudan Pusat Bimbingan Seni Budaya (PuBSB);

03 Menyediakan khidmat nasihat, informasi serta ruang dan peluang kerjasama dalam Program Bimbingan Seni Dan Budaya; dan

04 Menggilap dan menyerlahkan modal insan seni yang berbakat serta berkemahiran tinggi dalam bidang seni budaya.

MAJLIS APRESIASI PROGRAM BIMBINGAN SENI BUDAYA (PBSB)

Majlis Apresiasi Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) sesi 2024/2025 diadakan sebagai penghargaan kepada peserta yang telah menamatkan sesi pembelajaran selama dua (2) tahun. Majlis ini memberi pengiktirafan kepada pencapaian peserta melalui Anugerah Cemerlang Bimbingan Seni, yang diberikan kepada peserta terbaik dalam bidang masing-masing berdasarkan penilaian teori dan amali.

Majlis ini juga menonjolkan kejayaan PBSB dalam menyemarakkan seni dan budaya di peringkat sekolah rendah dan menengah. Selain itu, ia menjadi platform untuk perkongsian pengalaman dan penghargaan kepada pihak yang menyokong kelancaran program termasuk Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN), Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ), dan pihak berkaitan.













Majlis ini melibatkan penyertaan seramai 1,739 peserta, termasuk 904 peserta Kelab Tunas Budaya (KTB) dan 835 peserta Kelab Giat Budaya (KGB), yang melibatkan 14 JKKN Negeri. Acara turut diserikan dengan persembahan daripada peserta PBSB serta Kumpulan Bimbingan Seni Cemerlang (KBSC) sekali gus menghargai dedikasi dan komitmen peserta sepanjang sesi pembelajaran.

Melalui majlis ini, matlamat JKKN untuk mengembangkan seni budaya warisan serta membina modal insan berbudaya tinggi dapat direalisasikan dengan lebih bermakna. Program ini juga menyemarakkan aktiviti seni budaya dalam kalangan murid-murid sekolah dan menjadikan kegiatan seni budaya sebagai pilihan utama setaraf dengan aktiviti kokurikulum lain di sekolah.

BENGKEL PEMANTAPAN MODUL IDENTITI NEGERI (MEK MULUNG) SIRI 2&3

Bengkel Pemantapan Modul Identiti Negeri: Mek Mulung Siri 2 dan 3 telah dilaksanakan bagi memperhalusi serta mengemas kini struktur Modul Mek Mulung yang dibangunkan pada tahun 2024, selaras dengan standard pembelajaran kurikulum bidang seni.



Bengkel Pemantapan Modul Identiti Negeri: Mek Mulung Siri 2

Bengkel Siri 2 berlangsung pada 7 hingga 9 Ogos 2025 di Acappella Hotel & Suite, Shah Alam, Selangor, manakala Siri 3 diadakan pada 8 hingga 10 Oktober 2025 di Travelodge Hotel, Ipoh, Perak. Bengkel ini melibatkan enam (6) orang panel penggubal terdiri daripada ahli akademik dan penggiat seni NGO, iaitu Encik Rosman bin Ishak (Ketua Panel), Encik Halim bin Saad, Encik Ali bin Ariff, Encik Saifulwazien bin Mohamad Jelani, Puan Shamsun Nadia binti Zulkifli dan Puan Siti Sarah binti Ahmad Jamil.

Modul yang dibangunkan ini akan diterbitkan dalam bentuk fizikal untuk panduan dan rujukan bagi pembelajaran dan pengajaran Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN), di sekolah-sekolah serta institusi / komuniti yang menyertai PBSB.







Bengkel Pemantapan Modul Identiti Negeri: Mek Mulung Siri 3

PROGRAM PUSAT BIMBINGAN SENI BUDAYA (PuBSB)

Program Pusat Bimbingan Seni Budaya (PuBSB) merupakan aktiviti bimbingan dan asuhan seni budaya kepada komuniti di pusat koreksional, penjara dan pusat pemulihan akhlak, dilaksanakan di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sesi pembelajaran dikendalikan oleh Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) secara bersemuka, bertujuan menyemarakkan seni budaya serta berperanan sebagai terapi jiwa untuk menyokong pemulihan sahsiah penghuni.















Setiap sesi melibatkan 15–20 peserta di bawah pemantauan pegawai pusat dan pematuhan peraturan yang ditetapkan. Pada tahun 2025, PuBSB telah dilaksanakan di 13 negeri melalui JKKN Negeri dengan penyertaan seramai 273 orang.

PROGRAM BIMBINGAN HUJUNG MINGGU (PBHM)

Program Bimbingan Hujung Minggu (PBHM) merupakan program kelas bimbingan seni budaya merangkumi bidang teater, tari, muzik (gamelan dan kompang), seni berbahasa, silat serta permainan tradisional (gasing). Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti setempat mempelajari seni budaya, di samping menyemarakkan aktiviti di 11 kompleks JKKN di seluruh Malaysia. Tiga (3) JKKN negeri yang tidak mempunyai kompleks, iaitu Selangor, Johor dan Sarawak, turut melaksanakan PBHM.





Program ini juga memberi peluang kepada Kumpulan Kesenian Jabatan (KKJ), Artis Budaya, Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN), tokoh dan pakar seni budaya untuk mempertingkatkan kemahiran serta berkongsi ilmu dengan komuniti setempat. PBHM menjadi platform terbaik kepada masyarakat daripada pelbagai peringkat umur dan kaum untuk mempelajari serta mengenali seni budaya warisan di bawah bimbingan jurulatih yang terlatih dan berpengalaman secara percuma.














SHOWCASE PERMATA SENI 2025: PENTAS PENTERJEMAHAN BAKAT, DISIPLIN DAN WARISAN SENI GENERASI MUDA

Showcase PERMATA Seni 2025 merupakan sebuah penganjuran komprehensif yang berfungsi sebagai kemuncak kepada proses latihan, pembelajaran dan pembangunan bakat peserta PERMATA Seni sepanjang tahun. Showcase ini menghimpunkan dua komponen utama, iaitu PERMATA Seni Tari (PST) dan PERMATA Seni Koir (PSK), yang memperlihatkan kepelbagaian disiplin seni persembahan melalui gabungan elemen vokal dan pergerakan dalam satu platform persembahan bersepadu.

Penganjuran Showcase PERMATA Seni 2025 ini dilaksanakan dengan kerjasama strategik Persatuan Anak Muda Penggerak Warisan, sebuah organisasi yang komited dalam memelihara, memartabatkan dan memperkasa warisan seni budaya melalui penglibatan generasi muda. Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan program, malah mencerminkan pendekatan kolaboratif antara institusi pembangunan bakat dan badan bukan kerajaan dalam menyokong kelestarian seni budaya negara.



Showcase PERMATA Seni

Showcase PERMATA Seni 2025 berperanan sebagai medium penterjemahan bakat dan kemahiran peserta PERMATA Seni hasil latihan dan pembelajaran yang dilaksanakan secara berkala, berstruktur dan berfasa sepanjang penglibatan mereka dalam program ini. Peserta telah melalui proses pembelajaran yang menekankan penguasaan teknik asas dan lanjutan, disiplin latihan, kefahaman terhadap estetika seni, serta pembentukan nilai jati diri dan profesionalisme sebagai penggiat seni muda.

Melalui penglibatan PERMATA Seni Tari, persembahan yang dipamerkan menzahirkan keupayaan peserta mengolah pergerakan tubuh secara terkawal dan bermakna, selari dengan tema, iringan muzik serta konsep artistik yang ditetapkan. Elemen koreografi yang diketengahkan bukan sahaja menitikberatkan ketepatan teknik dan kekuatan fizikal, malah turut menekankan aspek ekspresi, penghayatan dan naratif yang mencerminkan kekayaan seni tari serta nilai budaya yang diwarisi.



Sementara itu, PERMATA Seni Koir pula menampilkan keupayaan vokal peserta melalui persembahan yang menekankan aspek kawalan suara, harmoni, artikulasi, dinamik serta kesepaduan kumpulan. Latihan berterusan yang dilalui oleh peserta diterjemahkan melalui persembahan koir yang mantap dan berdisiplin, sekali gus memperlihatkan tahap kematangan muzikal dan keupayaan bekerja secara kolektif dalam satu pasukan.



Showcase PERMATA Seni

Penggabungan peserta PERMATA Seni Tari dan PERMATA Seni Koir dalam Showcase PERMATA Seni 2025 memberikan nilai tambah kepada penganjuran ini apabila elemen pergerakan dan vokal disepadukan dalam persembahan yang lebih dinamik dan berlapis. Pendekatan ini bukan sahaja memperkaya pengalaman persembahan peserta, malah membuka ruang kepada eksplorasi kreatif yang lebih luas serta pendedahan kepada konsep kolaborasi antara disiplin seni.

Selain berfungsi sebagai pentas persembahan, Showcase PERMATA Seni 2025 turut menjadi medan pembelajaran praktikal yang penting kepada peserta. Penglibatan secara langsung dalam aspekpengurusan persembahan, disiplin masa, etika pentas dan kerjasama pasukan memberi pendedahan awal kepada realiti dunia seni persembahan yang profesional. Pengalaman ini secara tidak langsungmembentuk daya tahan, keyakinan diri serta sikap bertanggungjawab dalam kalangan peserta.



Dari sudut pembangunan ekosistem seni, penganjuran Showcase PERMATA Seni 2025 mencerminkan usaha berterusan dalam melahirkan generasi pelapis seni yang berpengetahuan, berkemahiran dan beridentiti nasional. Ia turut menjadi platform apresiasi masyarakat terhadap bakat muda serta membuka peluang kepada peserta untuk dinilai, dikenali dan diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, Showcase PERMATA Seni 2025 bukan sekadar sebuah acara persembahan, tetapi merupakan manifestasi komitmen PERMATA Seni dalam memupuk bakat seni secara holistik dan berterusan. Melalui gabungan latihan berstruktur, kolaborasi strategik dan pendedahan persembahan profesional, penganjuran ini menyumbang kepada usaha memelihara dan memperkasa seni tari dan seni koir sebagai khazanah budaya negara yang bernilai serta relevan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.







KEM PERMATA SENI 2025: MEMPERKUKUH KOMPETENSI SENI DAN SAHSIAH PESERTA PERMATA SENI

Kem PERMATA Seni 2025 merupakan salah satu aktiviti pembangunan bakat di bawah Program PERMATA Seni yang dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persatuan Ikatan Budaya dan Prihatin. Penganjuran kem ini melibatkan dua (2) komponen utama, iaitu PERMATA Seni Tari dan PERMATA Seni Koir, sebagai usaha berterusan dalam memperkukuh pembangunan bakat seni generasi muda secara terancang dan berfokus.

Pelaksanaan Kem PERMATA Seni 2025 telah berlangsung selama lima (5) hari empat (4) malam dan memberi penekanan kepada pendedahan serta penambahan ilmu dalam bidang seni tari dan vokal. Sepanjang tempoh pelaksanaan, peserta telah mengikuti sesi bengkel dan latihan intensif yang dikendalikan oleh jurulatih jemputan yang bertauliah dan berpengalaman dalam bidang masing-masing. Pendekatan ini bertujuan meningkatkan penguasaan teknik asas dan lanjutan, di samping memperkukuh kefahaman terhadap aspek disiplin, estetika dan profesionalisme dalam seni persembahan.

Bagi komponen PERMATA Seni Tari, peserta didedahkan kepada latihan yang menekankan aspek teknik pergerakan, koordinasi tubuh, ekspresi serta penghayatan terhadap elemen budaya dan nilai estetika dalam seni tari. Sementara itu, bagi komponen PERMATA Seni Koir, penekanan diberikan kepada aspek kawalan vokal, intonasi, harmoni, artikulasi serta kesepaduan persembahan secara berkumpulan. Latihan yang dijalankan secara berstruktur dan berfasa ini membolehkan peserta meningkatkan tahap kemahiran selaras dengan keperluan persembahan yang berkualiti.



Kem Permata Seni 2025



Selain latihan teknikal, Kem PERMATA Seni 2025 turut dirangka bagi memupuk semangat kerjasama, disiplin diri dan nilai kepimpinan dalam kalangan peserta. Pelaksanaan aktiviti berkumpulan dan latihan berpasukan sepanjang kem telah menyumbang kepada peningkatan kemahiran komunikasi, pembinaan keyakinan diri serta pengukuhan hubungan sesama peserta daripada pelbagai latar belakang. Elemen ini selaras dengan objektif PERMATA Seni dalam membangunkan bakat seni yang seimbang dari segi kemahiran dan pembentukan sahsiah.

Kem ini juga berperanan sebagai platform persediaan kepada peserta sebelum penglibatan dalam aktiviti dan persembahan berskala lebih besar di peringkat program PERMATA Seni. Pendedahan kepada latihan intensif dalam persekitaran yang kondusif dan berfokus membantu meningkatkan tahap kesiapsiagaan fizikal, mental dan emosi peserta sebagai penggiat seni muda.

Secara keseluruhannya, penganjuran Kem PERMATA Seni 2025 mencerminkan komitmen berterusan JKKN dalam melaksanakan program pembangunan bakat seni yang sistematik dan berimpak. Melalui kerjasama strategik bersama Persatuan Ikatan Budaya dan Prihatin, kem ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dengan menyumbang kepada peningkatan kemahiran seni, pembentukan sahsiah serta pengukuhan jaringan hubungan dalam kalangan peserta, selaras dengan usaha memperkasa ekosistem seni budaya negara secara mampan.





Kem Permata Seni 2025



Bahagian

PENGEMBANGAN SENI BUDAYA

BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA

FUNGSI / PERANAN BAHAGIAN

01 Melaksanakan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pelbagai aktiviti seni persembahan, persuratan dan pengurusan acara melalui program berikut:

- Pencungkilan Bakat • Bengkel dan Sidang Keilmuan • Manifestasi dan Penyerlahan
- Kecemerlangan Seni • Pengembangan dan Penggalakan • Seni Dalam Talian
- Program Pelancongan Budaya;

02 Meningkatkan kefahaman dan kecintaan masyarakat terhadap kesenian negara;

03 Memberi khidmat nasihat berkaitan bidang dan pelaksanaan aktiviti kesenian kepada badan bukan kerajaan, pemain industri, agensi kerajaan dan swasta serta penggiat seni;

04 Meningkatkan khalayak fizikal dan maya dalam bidang seni seperti seni persembahan, bahasa dan kesusasteraan; dan

05 Menjalinkan kerjasama dalam bidang seni dan budaya dalam kalangan badan bukan kerajaan, pemain industri, agensi kerajaan dan swasta serta penggiat seni pelbagai peringkat untuk mengembangkan kesenian.

PROGRAM PELANCONGAN BUDAYA 2025

PELANCONGAN BUDAYA

Program Pelancongan Budaya merujuk kepada aktiviti pelancongan yang menekankan pengalaman budaya dan warisan sebagai identiti unik sesebuah negeri, sama ada untuk pengunjung tempatan mahupun antarabangsa. Program ini merangkumi pelaksanaan aktiviti interaktif, persembahan kesenian, demonstrasi, bengkel, pameran dan jualan produk serta permainan tradisional. Pelaksanaannya dijalankan melalui sinergi pelbagai jabatan dan agensi, NGO seni budaya, komuniti dan para penaja.

Sepanjang tahun 2025, sebanyak 16 Program Pelancongan Budaya telah dilaksanakan dengan penyertaan 59,288 peserta, serta berjaya menarik 1,811,844 khalayak. Program ini turut menerima penajaan sebanyak RM6,042,847.89 dan menjana pendapatan jualan produk berjumlah RM27,318,137.01. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan program ini dalam penyemarakan aktiviti seni budaya negara, di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi kreatif serta industri pelancongan budaya di Malaysia.

SENARAI PROGRAM PELANCONGAN BUDAYA 2025

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	PESTA ANGIN TIMUR	21-23 FEBRUARI 2025	KG. LAT SERIBU, TAMBUN TULANG, ARAU, PERLIS
2	IFTAR MADANI@BATU SAPI	8 MAC 2025	PANTAI PASIR PUTIH, BATU SAPI, SABAH
3	IFTAR@KL	15,16, 22 DAN 23 MAC 2025	JALAN RAJA, DATARAN MERDEKA, KUALA LUMPUR
4	TEMASYA BUDAYA @ NEGERI PERAK	26 - 29 JUN 2025	PERKARANGAN STADIUM MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG, PERAK
5	FESTIVAL KESENIAN PERIBUMI MALAYSIA (FESKEP)	18 - 20 JULAI 2025	DATARAN TEMERLOH, PAHANG
6	FESTIVAL KESENIAN RAKYAT KELATE	23 - 26 JULAI 2025	PANTAI IRAMA, BACHOK, KELANTAN
7	FESTIVAL BALIK PULAU	25 - 27 JULAI 2025	KOMPLEKS SUKAN BALIK PULAU, PULAU PINANG
8	TEMASYA OGHANG KEDAH (TOK)	31 JULAI - 4 OGOS 2025	PERKARANGAN STADIUM DARUL AMAN, ALOR SETAR, KEDAH
9	TEMASYA TRANUNG KITE (TEGAK)	8 – 10 OGOS 2025	PULAU WARISAN KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
10	FESTIVAL SELANGOR@BATU LAUT	5 – 7 SEPTEMBER 2025	DATARAN PANTAI BATU LAUT, KUALA LANGAT
11	FESTIVAL KOTA SELATAN	25 - 28 SEPTEMBER 2025	DATARAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN, JOHOR
12	FESTIVAL PERMAINAN MALAYSIA	25 – 28 SEPTEMBER 2025	DATARAN PUTRAJAYA
